



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.48 | SUBUH 4.58 | SYURUK 6.21 | DUHA 6.46 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.12 | ISYAK 7.27 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 151

18 DISEMBER 2023 / 1445 جمادی الآخر 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN lemparkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan apa yang mereka perbuat, sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu hanyalah tipu daya ahli sihir, sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kemenangan dari mana pun dia datang".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha, ayat 69.

BERSAMA MERAIH PELUANG, PERKUKUH TONGGAK KOMUNITI ASEAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Pembukaan dan Sesi Plenari Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3)



Berita Utama



NBD-China tandatangani protokol eksport produk akuatik

Muka 8



PERASMIAN Pesta Kampung Ukong

Muka 9



ROMBONGAN NBD berlepas ke Republik Korea

Muka 18



PEMBUATAN kek yang kreatif

Muka 20

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Qatar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar; Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar; Perdana Menteri

dan Menteri Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani dan kerajaan serta rakyat Qatar sempena Hari Kebangsaan Qatar.

BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN TOKYO, JEPUN



TOKYO, JEPUN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik dari Tokyo setelah selesai mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun dan menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN Jepun. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik dari Tokyo setelah selesai mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun dan menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN Jepun. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat balik dari Tokyo setelah selesai mengadakan Keberangkatan

Rasmi ke Jepun dan menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan

dan Kerjasama ASEAN Jepun.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Tokyo Haneda bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa.

WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
18	ISNIN	5	4.48	4.58	6.21	6.46	12.18	3.39	6.12	7.27
19	SELASA	6	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	RABU	7	4.49	4.59	6.22	6.47	12.19	3.40	6.13	7.28
21	KHAMIS	8	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
22	JUMAAT	9	4.50	5.00	6.23	6.48	12.20	3.41	6.14	7.28
23	SABTU	10	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	AHAD	11	4.51	5.01	6.24	6.49	12.21	3.42	6.15	7.29

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN Bandar Seri Begawan	SELASA	RABU
32 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Bangar
25 °C Pekan Tutong	25 °C Pekan Tutong	24 °C Pekan Tutong
32 °C Kuala Belait	32 °C Kuala Belait	31 °C Kuala Belait
25 °C WallahuAlam Bissawab	26 °C WallahuAlam Bissawab	25 °C WallahuAlam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 18 DISEMBER 2023

Dedahkan belia pelbagai maklumat yang bermanfaat

PROGRAM Kursus Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama Tahun 2023 / 2024 telah selesai diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan pada Khamis lepas yang mana para pesertanya terdiri daripada lulusan ijazah dari dalam dan luar negeri. Sepanjang kursus diadakan para peserta diberikan taklimat serta lawatan-lawatan ke beberapa agensi kerajaan untuk membuka minda mereka tentang hal ehwal pentadbiran di negara ini.

Tidak dinafikan pendidikan di luar negara tidak sama dengan apa yang ada di dalam negeri meskipun ada persamaan dalam sesetengah pelajaran. Untuk memperkasa para pelajar ini dalam apa jua bidang yang diceburi, mereka perlu didehdakan dengan pelbagai ilmu, kemahiran, adat budaya yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari agar tidak lupa nilai-nilai jati diri.

Belia perlu berwawasan agar setiap tindak-tanduk mereka mencerminkan keperibadian, kemampuan, kreativiti, dinamik serta berintegriti untuk pembangunan negara. Mereka bakal penerus pemimpin negara perlu berani menterjemahkan idea-idea yang diperoleh untuk kemajuan serta survival negara.

"Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri. Mereka sepertutnya lebih terpangil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat."

"Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu pasti berani untuk menghadapi cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberikan nafas baru kepada segala usaha pembangunan dalam negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Belia di negara ini perlu menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar mereka lebih berwawasan, bermotivasi kerana mereka adalah bakal penerus pemimpin negara yang akan membawa negara ini ke mercu pembangunan mampan. Apatah lagi belia ini merupakan mekanisme yang akan membawa banyak perubahan dengan idea-idea baharu agar negara akan tetap membangun seperti negara-negara luar dengan diterajui oleh anak-anak bangsa yang kita banggakan.

Justeru dengan mengikuti kursus sivik atau kursus-kursus lain yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan mahupun agensi swasta ini diharap akan dapat memberikan gambaran meluas kepada para belia ini erti tanggungjawab serta menyentik semangat kepada mereka untuk lebih berbakti serta berani menghadapi cabaran yang akan datang berbekalkan ilmu yang diperoleh dan ditambah lagi dengan nilai-nilai kebruneian agar mereka ini bersedia menghadapi cabaran yang bakal dihadapi. - Ketua Penyuntingan (Ri)

Bersama meraih peluang, perkukuh tonggak komuniti ASEAN



Oleh: Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TOKYO, JEPUN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun, yang berlangsung di Hotel Okura Tokyo.

Sidang Kemuncak Komemoratif ini juga dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Jepun dan Republik Demokratik Timor-Leste.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat menghadiri Pembukaan dan Sesi Plenari Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun yang berlangsung di Heian-no ma I.

Pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Jepun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah, di mana baginda mengakui Jepun sebagai salah sebuah rakan kongsi ASEAN yang sudah lama terjalin dan paling teguh, dan penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Jepun pada bulan September 2023 lalu adalah merupakan satu perkembangan yang semula jadi bagi hubungan dialog berkenaan.

Kerjasama yang sangat rapat sepanjang lima dekad ini telah membolehkan ASEAN dan Jepun untuk memupuk rasa saling percaya yang mendalam dan hormat-menghormati antara satu

sama lain sambil bekerjasama merentasi semua tonggak komuniti ASEAN, bersama-sama meraih peluang dan menangani cabaran tahun demi tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa ASEAN dan Jepun berkongsi pelbagai hasrat ekonomi, sosial dan kebudayaan yang sama, serta memastikan keamanan dan kestabilan serantau dalam rangka kerja serantau yang terbuka dan inklusif.

Oleh itu, menerima pakai Joint Vision Statement and its Implementation Plan yang baharu akan mengukuhkan lagi perkongsian ASEAN-Jepun pada masa hadapan.

Baginda menegaskan bahawa ini adalah lebih relevan memandangkan situasi ketidaktentuan geopolitik yang melanda pada ketika ini, justeru itu, ianya adalah sangat mustahak untuk terus mengukuhkan prinsip asas semangat serantau dan pelbagai hala dalam hubungan antara ASEAN dan Jepun.

Tambahan lagi, ASEAN dan Jepun masih berpotensi tinggi untuk bekerjasama dalam meningkatkan keamanan dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun (atas). Manakala gambar kiri, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.

kestabilan demi kemakmuran dan pembangunan yang berterusan.

Dalam hal ini, ASEAN dan Jepun - selaku ahli-ahli masyarakat antarabangsa - perlu terus memegang prinsip berdasarkan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan peraturan undang-undang antarabangsa.

Pada mengakhiri titah, baginda menekankan bahawa usaha-usaha sedemikian akan dapat perkukuh kerelevan dan kesejagat PBB, sekali gus memastikan tiada pengecualian, khususnya dalam usaha ke arah pembaharuan Majlis Keselamatan PBB.

Terdahulu, Sidang Kemuncak Komemoratif berkenaan dimulakan dengan Ucapan Pembukaan daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun, yang mengalau-alukan kehadiran para pemimpin dan delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Jepun.

Ini diikuti dengan ucapan daripada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo, selaku Pengurusi ASEAN tahun ini; Presiden Pusat Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Profesor Tetsuya Watanabe; dan Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Jepun, Dr. Kunihiko Hirabayashi.

Pada sesi tersebut, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun, dalam kenyataannya menekankan kembali sokongan Jepun terhadap inisiatif

dalam ASEAN termasuk meningkatkan kesalinghubungan, mengurangkan jurang pembangunan serta sumbangan kepada Dana Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF), yang mempunyai jumlah keseluruhan USD860 juta dan lebih 570 projek dilaksanakan.

TYT juga menggariskan sokongan Jepun yang kekal dan kukuh terhadap perpaduan ASEAN dan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific (AOIP).

Tambah lagi, pelan baharu Jepun bagi Free and Open Indo-Pacific (FOIP) telah diumumkan pada bulan Mac 2023, termasuk komitmen Jepun untuk menyumbang sebanyak USD100 juta kepada JAIF.

Manakala TYT Presiden Republik Indonesia semasa menyampaikan kenyataannya menekankan bahawa kepercayaan adalah penting dalam membangunkan perkongsian yang manfaat bersama dan menzahirkan harapan agar rantau Asia Tenggara dapat menjadi pusat bagi pertumbuhan ekonomi global, yang mana kadar pertumbuhan ekonomi ASEAN merupakan yang tertinggi di dunia, dijangkakan sebanyak 4.5 peratus.

TYT menyatakan bahawa keselamatan dan keamanan mesti dikekalkan bagi merealisasikan perkara ini, melalui kerjasama secara inklusif dan pematuhan kepada undang-undang antarabangsa.

DUKUNG PENGLIBATAN BELIA DEMI PEMBANGUNAN MASA DEPAN

TOKYO, JEPUN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sesi 2 (Working Lunch) : Heart To Heart Partners Across Generations pada Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun, yang berlangsung di Hotel Okura Tokyo.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sesi Working Lunch ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan kembali bahawa perkongsian ASEAN dan Jepun selama ini telah memainkan peranan penting dalam memupuk kepercayaan antara satu sama lain dan persahabatan di kalangan rakyat, melalui inisiatif-inisiatif seperti Program Persahabatan Abad Ke-21; Program Kapal Belia Asia

Tenggara dan Jepun (SSEAYP); Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur (JENESYS); dan Biasiswa Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT), yang telah berjaya menjadi asas kukuh bagi hubungan antara rakyat ASEAN dan Jepun.

Tambahan lagi, baginda mengalau-alukan Projek WA 2.0 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Kishida, ke arah meningkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan.

Selain itu, inisiatif-inisiatif berkenaan juga telah membantu ASEAN dan Jepun untuk memanfaatkan peluang demi

pembangunan dan kemakmuran, dan pelaburan yang berharga bagi memastikan hubungan akrab dan perkongsian kukuh akan dapat dikekalkan dalam 50 tahun seterusnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengiktiraf bahawa Negara Brunei Darussalam juga menaruh kepercayaan akan kepentingan menyediakan peluang-peluang kepada para pemimpin muda yang berkongsi nilai dan matlamat yang sama dalam mewujudkan persahabatan dan rangkaian bersama.

Oleh itu, ASEAN Junior Fellowship Programme dimulakan bagi memupuk dan meningkatkan perpaduan di

kalangan pegawai-pegawai muda di ASEAN, serta kerjasama penting bersama rakan-rakan dialog masing-masing.

Dalam hal ini, baginda mengalau-alukan sokongan Jepun terhadap program tersebut.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa semua inisiatif yang melibatkan golongan belia dan pegawai-pegawai muda sebagai pemimpin masa depan akan dapat menyumbangkan ke arah mengukuhkan lagi heart-to-heart partnership, sekali gus memastikan masa depan yang harmoni dan sejahtera bersama.

TANGANI CABARAN ISU PERTUMBUHAN EKONOMI ASIA PASIFIK



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Jepun dan Republik Demokratik Timor-Leste pada Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TOKYO, JEPUN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa rantaui Asia Pasifik dijangka akan terus menjadi pusat pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun akan datang meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan global,

dengan pertumbuhan yang dijangkakan sebanyak 4.2 peratus pada tahun 2024, menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Walau bagaimanapun, pertumbuhan tersebut adalah berisiko jika terdapat kegagalan untuk sama-sama menangani cabaran dengan segera. Salah satu cabaran yang mendesak adalah peningkatan kesan-kesan perubahan iklim, yang mana kejadian cuaca semakin kerap dan terlalu kuat seperti suhu melampau, ribut yang menjelaskan, banjir dan kemarau yang berpanjangan.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan bahawa Conference of the Parties of the United Nations Framework Convention on Climate Change (COP) yang berlangsung di Dubai baru-baru

ini telah mencapai kesepakatan dalam langkah-langkah, terutama sekali untuk mengehadkan peningkatan suhu ke 1.5 darjah Celsius.

Oleh itu, ASEAN dan Jepun harus bekerjasama untuk mewujudkan langkah-langkah yang nyata dan inovatif, yang memberi tumpuan kepada mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan corak iklim.

Pada akhir titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalau-alukan keparakan Jepun dalam menggalau dasar, perkongsian teknologi dan inisiatif negara berkenaan untuk menujuhkan Asia Zero Emission Community (AZEC). Baginda juga menzhairkan kepercayaan bahawa ASEAN akan meraih manfaat yang signifikan daripada



perkara-perkara tersebut, khususnya melalui kerjasama melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Pada penghujung Sidang Kemuncak Komemoratif tersebut, Joint Vision Statement on ASEAN-Japan Friendship and Cooperation and the Implementation Plan of the Joint Vision Statement on ASEAN-Japan Friendship and Cooperation : 'Trusted Partners' diluluskan.

Berangkat ke Majlis Santap Malam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida dan isteri, Puan Yuko Kishida. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TOKYO, JEPUN, Sabtu, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida dan isteri, Puan Yuko Kishida, di Geihinkan (The State Guest House, Akasaka Palace), Tokyo.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialau-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun dan isteri.

Majlis Santap Malam yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan

Kerjasama ASEAN-Jepun ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Perdana Menteri Jepun.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berkenan hantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan-perutusan

takziah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait; His Highness Sheikh Ahmad Nawaf Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri

Kuwait, ahli-ahli kerabat diraja dan rakyat Kuwait berikut dengan kemangkatan His Highness Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah baru-baru ini.

Perutusan tahniah pelantikan Amir Kuwait



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, berikut dengan pelantikannya sebagai Amir Kuwait.

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, berikut dengan pelantikannya sebagai Amir Kuwait.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, berikut dengan pelantikannya sebagai Amir Kuwait.

NBD-JEPUN TERUS MEMUPUK HUBUNGAN MUHIBAH, PERSAHABATAN



berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah, dengan baginda merakamkan penghargaan kerana dapat mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun pada acara sampiran Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Jepun dan seterusnya menyampaikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun dan Kerajaan Jepun selaku tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Komemoratif berkenaan.

Menyentuh mengenai hubungan persahabatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun yang akan menyambut Ulang Tahun Ke-40 pada tahun 2024, Kebawah DYMM menyambut baik untuk meneruskan lagi usaha-usaha dalam meningkatkan lagi hubungan muhibah dan persahabatan antara kedua-dua buah negara dan rakyat.

Dalam hal berkenaan, Kebawah DYMM menjemput TYT Perdana Menteri Jepun dan isteri, Puan Yuko Kishida untuk mengadakan Lawatan Rasmi ke NBD, sekali gus menyampaikan ucapan selamat maju jaya kepada Perdana Menteri Kishida dan Kerajaan Jepun dalam menganjurkan World Expo 2025 di Osaka nanti.

TOKYO, JEPUN, Sabtu, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Working Lunch bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida, yang berlangsung di Prime Minister's Office, Tokyo. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Working Lunch bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida, yang berlangsung di Prime Minister's Office, Tokyo. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Jepun.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kebawah DYMM dan TYT juga berharap hubungan persahabatan yang penting antara NBD dan Jepun dapat diperkuat lagi melalui keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Jepun pada Mac 2024, sambil menekankan bahawa keberangkatan berkenaan nanti adalah tepat pada masanya kerana kedua-dua buah negara akan menyambut Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik dan Tahun Persahabatan Brunei-Jepun pada 2024.

Kebawah DYMM dan TYT juga turut menyambut baik pemeteraian Memorandum Kerjasama di antara Jabatan Perdana Menteri

NBD dan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun bagi Merealisasikan Peralihan Tenaga semasa Keberangkatan Rasmi baginda ke Jepun ini, dalam mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang tenaga antara kedua-dua buah negara.

Baginda juga melahirkan penghargaan atas sokongan berterusan Jepun terhadap ASEAN Climate Change Centre, serta dalam Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur (JENESYS), Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) dan Biasiswa Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT) dalam memupuk persahabatan dan persefahaman

yang lebih baik, dan perkara-perkara berkenaan turut ditekankan oleh TYT Perdana Menteri Jepun.

Selain itu, bidang-bidang kerjasama dua hala antara NBD dan Jepun seperti pertahanan dan keselamatan maritim serta perkara-perkara serantau dan antarabangsa termasuk perkembangan Hubungan Dialog ASEAN-Jepun serta situasi di Palestin juga turut dibincangkan.

Pada penghujung Working Lunch, satu Kenyataan Akhbar Bersama antara NBD dan Jepun dikeluarkan.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Jepun ditubuhkan pada 2 April 1984.

Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang mesra melalui kerjasama yang baik dalam bidang tenaga, perdagangan dan pelaburan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

KOMITED MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA

Oleh : Kenyataan Akhbar Bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun



TOKYO, Sabtu, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Jepun sempena Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun.

Semasa Keberangkatan Rasmi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun di Imperial Residence, The Imperial Palace, Tokyo pada 15 Disember 2023.

Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida telah mengadakan Working Lunch yang berlangsung di Prime Minister's Office, Tokyo pada 16 Disember 2023.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pemimpin memuji kerjasama yang telah lama terjalin sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1984.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju menjadikan tahun 2024 sebagai Tahun Persahabatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun bagi menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik dan menantikan Lawatan Rasmi dan aktiviti bagi meraikan peristiwa penting bagi kedua-dua buah negara.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin berkongsi harapan hubungan persahabatan yang penting antara NBD dan Jepun dapat diperkuatkan lagi melalui keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Jepun bagi Memperingati 40 Tahun Persahabatan.

Para pemimpin menegaskan komitmen mereka untuk memperkuatkan kerjasama dua hala dalam tenaga, pertukaran antara rakyat dengan rakyat, keselamatan maritim, kedaulatan undang-undang dan perubahan iklim serta isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Ke arah merealisasikan potensi penuh kerjasama dua hala, kedua-dua pemimpin menugaskan pegawai kedua negara untuk meneroka kemungkinan ke arah mengukuhkan hubungan dua hala kepada Perkongsian Strategik. Kedua-dua pemimpin menantikan pengajuran Dialog Dasar Ke-2 dalam masa terdekat.

Perkara itu antara yang terkandung dalam Kenyataan Akhbar Bersama NBD-Jepun sempena Keberangkatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Tokyo, Jepun pada 16 Disember 2023.

Dalam kenyataan mengenai pertukaran antara rakyat dengan rakyat, kedua-dua pemimpin menegaskan semula kepentingan program pertukaran intelektual, budaya dan rakyat antara kedua-dua negara, termasuk Biasiswa Kerajaan Jepun (MEXT), Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP), Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur (JENESYS) dan Projek WA serta projek baharu Yayasan Jepun yang berjaya, termasuk Program Rakan Kongsi NIHONGO, yang memperdalam persefahaman antara kedua-dua negara, terutamanya dalam kalangan generasi akan datang dan membentuk asas yang kukuh untuk hubungan dua hala. Kedua-dua pemimpin juga menyatakan komitmen mereka untuk terus mempromosikan kerjasama yang bermakna ini.

Sehubungan itu, para pemimpin mengalau-alukan penyambungan semula penerbangan terus antara ibu negara dan menantikan penyelesaian visa waiver arrangement bagi pemegang pasport biasa yang memberikan jangka masa selama 30 hari untuk tinggal pada masa kebenaran mendarat untuk memudahkan lagi pertukaran antara rakyat dengan rakyat antara kedua-dua negara.

Sementara itu, kenyataan mengenai pertahanan, kerjasama maritim dan kedaulatan undang-undang, Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan pemeteraian Memorandum Kerjasama mengenai Kerjasama dan Pertukaran Pertahanan pada 3 Februari 2023 serta Dialog Dasar Pertahanan pertama pada Jun 2023, berdasarkan memorandum tersebut.

Para pemimpin menekankan kemajuan yang mantap dalam hubungan pertahanan dan keselamatan antara NBD dan Jepun yang akan terus diperkuatkan dengan pertukaran lawatan, pertukaran unit ke unit dan lain-lain. Kedua-dua pemimpin juga memuji kerjasama pertahanan yang erat pada peringkat serantau khususnya melalui mekanisme pertahanan yang diterajui ASEAN ke arah pengekalan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan atas kerjasama berterusan Jepun dalam penguatkuasaan undang-undang maritim termasuk inisiatif pembinaan kapasiti bagi pegawai kerajaan Brunei,

khususnya dalam mendalami pemahaman undang-undang antarabangsa dan pelaksanaan 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS). Kedua-dua pemimpin juga menyatakan kesediaan mereka untuk mempromosikan pertukaran antara Japan Coast Guard dan organisasi rakan sejawatannya di Brunei Darussalam.

Sementara mengenai tenaga dan perubahan iklim, para pemimpin mengalau-alukan kerjasama yang telah lama terjalin dalam bidang tenaga, yang menjangkau lebih 50 tahun dan mengesahkan komitmen mereka untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang ini.

TYT Perdana Menteri Jepun merakamkan penghargaan bagi bekalan LNG NBD yang stabil ke Jepun dan Kebawah DYMM

mengulangi komitmennya untuk meneruskan kerjasama ini berdasarkan kontrak yang saling menguntungkan.

Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan penyempurnaan 'Study of Roadmap for Decarbonization of ASEAN Energy Systems : Optimum Technology Selection Model and Analysis for Brunei Darussalam' oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri NBD dan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun pada September 2023.

Para pemimpin juga menyatakan hasrat mereka untuk meningkatkan lagi kerjasama tenaga di bawah Memorandum Kerjasama realisasikan peralihan tenaga yang ditandatangani antara Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun dan Jabatan Perdana Menteri NBD pada 15 Disember 2023.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin mengalau-alukan pengajuran Asia Zero Emission Community (AZEC) Leaders' Meeting yang pertama dan mengesahkan menggalakkan penyelesaian yang lebih rapat dalam kalangan Negara Rakan Kongsi AZEC ke arah pelepasan sifar bersih, sambil memastikan pertumbuhan ekonomi dan keselamatan tenaga.

Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan kemajuan kerjasama dua hala dalam pemeliharaan hutan dan mengesahkan hasrat mereka untuk membuat pengaturan yang diperlukan untuk mempromosikan pertukaran pengetahuan dan kepakaran antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan perbincangan berterusan antara Kementerian Kesihatan NBD dan Universiti Osaka mengenai penubuhan Memorandum Persefahaman yang merangkumi kerjasama bersama.

Kedua-dua pemimpin juga turut mengalau-alukan kerjasama dalam pembinaan kapasiti berterusan yang ditawarkan oleh Japan Patent Office dalam bidang harta intelek.

Kedua-dua pemimpin mengakui kemajuan ketara dalam Hubungan Dialog ASEAN-Jepun (ASEAN-Japan Dialogue Relations) kerana pada tahun ini menandakan tahun ke-50 kerjasama dan menantikan kejayaan mengadakan Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun (ASEAN-Japan Commemorative Summit for the 50th Year of ASEAN-Japan Friendship and Cooperation) pada 16 hingga 18 Disember 2023.

Kedua-dua pemimpin juga melahirkan rasa gembira dengan penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Jepun (ASEAN-Japan Comprehensive Strategic Partnership) pada September lalu dan berharap untuk terus bekerjasama rapat bagi memastikan perkongsian berkenaan akan menjadi substantif, bermakna dan saling menguntungkan.

Kedua-dua pemimpin juga mengalau-alukan kerjasama yang telah lama terjalin dalam bidang tenaga, yang menjangkau lebih 50 tahun dan mengesahkan komitmen mereka untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang ini.

Yang Disemak Semula : Wawasan Bersama, Perkongsian Identiti, Perkongsian Masa Depan (Revised Implementation Plan of the Vision Statement on ASEAN-Japan Friendship and Cooperation: Shared Vision, Shared Identity, Shared



Future), dengan semua aktiviti dan projek yang telah pun dilaksanakan.

Kedua-dua pemimpin juga menantikan penerimaan Penyata Wawasan Bersama baharu dan Pelan Pelaksanaannya di Sidang Kemuncak Peringatan, yang akan menjadi dokumen panduan untuk hala tuju masa depan hubungan ASEAN-Jepun.

Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan mengembangkan perdagangan dan pelaburan, termasuk melalui pelaksanaan telus Perjanjian Perkongsian Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership-RCEP) dan Perjanjian Perkongsian Komprehensif ASEAN-Jepun (Agreement and the ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership-AJCEP).

Kedua-dua pemimpin juga mengalau-alukan kerjasama berterusan antara kedua-dua negara mengenai Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership-CPTPP), dengan menegaskan semula kepentingan mengekalkan nilai strategiknya dan mengekalkan standard tingginya.

Kebawah DYMM turut menzahirkan penghargaan atas sokongan berharga Jepun dalam mempromosikan pertukaran budaya, pendidikan, sukan dan rakyat melalui pelbagai program, termasuk ASEAN-Japan Actions on Sports, Sport for Tomorrow and Projek WA.

Kebawah DYMM juga turut merakamkan penghargaan atas sokongan Jepun terhadap Program Fellowship Junior ASEAN (ASEAN Junior Fellowship Programme-AJFP).

Melangkah ke hadapan, kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen masing-masing untuk terus meningkatkan hubungan dua hala berdasarkan kepada kepercayaan bersama, saling hormat-menghormati, manfaat bersama dan perkongsian sama rata.

Tuan Yang Terutama Fumio Kishida menyatakan sokongan Jepun terhadap Pusat Perubahan Iklim ASEAN di NBD, yang akan memainkan peranan penting dalam memudahkan kerjasama serantau dan penyelesaian mengenai inisiatif perubahan iklim dalam kalangan Negara Anggota ASEAN dengan kerajaan negara yang berkaitan, serantau dan antarabangsa organisasi, dan menyediakan cadangan dasar mengenai menangani perubahan iklim kepada Negara Anggota ASEAN.

Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan mengekalkan undang-undang antarabangsa dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kemakmuran global dan serantau.

Kedua-dua pemimpin menekankan komitmen teguh untuk mengukuhkan multilateralisme dan ketenteraman antarabangsa berdasarkan kedaulatan undang-undang.

Kedua-dua pemimpin juga



menegaskan komitmen untuk bekerjasama dalam merealisasikan objektif bersama 'Tinjauan ASEAN mengenai Indo-Pasifik (ASEAN Outlook on the Indo-Pacific-AOIP)' dan 'Indo-Pasifik Bebas dan Terbuka (Free and Open Indo-Pacific-FOIP)'.

Kedua-dua pemimpin menegaskan semula kepentingan mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan di rantau ini, dan komitmen mereka terhadap kebebasan pelayaran di dalam dan penerbangan di atas Laut China Selatan, selaras dengan undang-undang antarabangsa, khususnya UNCLOS 1982.

Kedua-dua pemimpin selanjutnya menggesa negara-negara berkenaan untuk mengelakkan sebarang tindakan yang akan merumitkan atau meningkatkan ketegangan dan menjelaskan keamanan dan kestabilan serta mengulangi keperluan untuk meneruskan penyelesaian pertikaian secara aman, mengikut undang-undang antarabangsa, khususnya UNCLOS 1982.

Kedua-dua pemimpin bertukar pandangan mengenai situasi di Timur Tengah, khususnya Palestin dan menyatakan keimbangan yang mendalam terhadap kehilangan banyak nyawa yang tidak berdosa.

Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan penerimaan Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertajuk 'Perlindungan Orang Awam dan Menegakkan Kewajipan Undang-undang dan Kemanusiaan' pada 12 Disember 2023.

Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan mencegah potensi penyebaran keganasan di seluruh rantau dan mengesahkan komitmen mereka untuk penyelesaian dua negara ke arah mencapai negara Palestine yang merdeka.

Pembangunan senjata nuklear dan peluru berpandu balistik Republik Demokratik Rakyat Korea (Democratic People's Republic of Korea's-DPRK) yang berterusan termasuk pelancaran menggunakan teknologi peluru berpandu balistik bulan lepas yang melanggar Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Security Council Resolutions-UNSCR), merupakan perkembangan membimbangkan yang mengancam keamanan dan kestabilan di wilayah berkenaan.

Kedua-dua pemimpin juga turut menekankan kepentingan mematuhi UNSCR yang berkaitan serta menangani isu hak asasi manusia dan keimbangan masyarakat antarabangsa, termasuk penyelesaian segera isu penculikan.

Kedua-dua pemimpin membincangkan isu-isu penting untuk keamanan dan keselamatan antarabangsa, termasuk pelucutan senjata nuklear antarabangsa dan bukan percambahan, serta kestabilan serantau, dan menegaskan bahawa mereka akan terus bekerjasama untuk menangani isu-isu berkenaan.

470 PELATIH PKBN MERIAHKAN MALAM MUNAJAT KALI KE-116

Oleh : Marlinaawaty Hussin

Foto : Tangkap Layar Facebook Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Acara Malam Munajat Kali Ke-116 terus diadakan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan dukungan khas Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 bagi Tahun 2023 yang diadakan, malam tadi.

Malam Munajat berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Mejar (B) Awang Haji Mohammad bin Dollah selaku tetamu khas yang juga turut memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah daripada Surau Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong.

Seramai 470 pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 bersama 150 orang terdiri daripada pegawai, jurulatih, dan tenaga kerja PKBN, daripada Surau Kem Latihan PKBN turut menyertai acara berkenaan.

Turut menyemarakkan Malam Munajat ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 73 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara, warga kerja di bawah KHEU dan KKBS

yang menyertai secara maya.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, program diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh 13869 Pelatih Awang Mohd. Danial Hazwan bin Haji Mohd. Azmi, Platon 3 bersama para pegawai, jurulatih, tenaga kerja serta pelatih PKBN daripada Surau Kem Latihan PKBN.

Acara disusuli dengan bacaan Doa Munajat yang diketuai oleh 14293 Pelatih Awang Md. Zulhelmi Hashim bin Jainudin, Platon 1.

Acara juga turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Kelebihan Mengenai Menuntut Ilmu dan Beramal Dengannya, Kelebihan Mengamalkan Solat Fardu Serta Sunat, dan Kelebihan Mengamalkan Zikir Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Sham bin Haji Amin, daripada Surau Kem Latihan PKBN.

Setelah itu, bacaan Selawat Tafrifiyah dipimpin oleh 14045 Awang Mohd Azwan bin Ahmad, Platon 9 bersama para pegawai,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat Kali Ke-116. Manakala Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Mejar (B) Awang Haji Mohammad bin Dollah hadir selaku tetamu khas majlis.

jurulatih, tenaga kerja serta pelatih PKBN.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal

Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad, daripada masjid berkenaan.

Orang ramai adalah sangat

dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat yang diadakan setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Pelancaran SMS Brunei Prihatin, penyampaian sumbangan DANA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan melancarkan SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2023-2024 (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyerahkan sumbangan dalam bentuk kupon bagi pembelian peralatan dan keperluan persekolahan anak-anak yatim kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan ikhlas khusus buat anak-anak yatim di negara ini bolehlah memberikan sumbangan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi Projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) Tahun 2023-2024 yang akan berjalan selama sembilan bulan mulai hari ini.

Tujuan utama SMS Brunei Prihatin bagi DANA adalah untuk meningkatkan rasa pemedulian dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat terhadap anak-anak yatim.

Projek ini juga adalah merupakan salah satu usaha DANA dalam mempelbagaikan cara atau mekanisme yang mudah untuk orang ramai menyalurkan sumbangan ikhlas mereka khusus kepada anak-anak yatim di negara ini.

Bagi menjayakan SMS Brunei Prihatin bagi DANA, tiga buah syarikat telekomunikasi telah bersedia memberi kemudahan perkhidmatan SMS iaitu DST, Syarikat Progresif Sdn. Bhd. dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, majlis

BND10). Setiap SMS yang dikirim khusus bagi sumbangan ini tidak akan dikenakan sebarang caj perkhidmatan oleh ketiga-tiga syarikat telekomunikasi berkenaan.

Dalam membantu mempromosikan SMS Brunei Prihatin bagi DANA Tahun 2023-2024, video promo telah diterbitkan dan agensi-agensi yang turut serta dalam membarigakan maklumat kepada orang ramai ialah Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid yang bertindak sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai melalui siaran televisyen dan rangkaian radio, akhbar rasmii kerajaan iaitu Pelita Brunei dan juga Khutbah Jumaat.

Selain itu, beberapa buah pawagam di negara ini juga memberi sokongan padu melalui slot pengiklanan tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Pada majlis tersebut juga, DANA menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim di seluruh negara yang berdaftar dengan Sekretariat DANA dalam bentuk kupon bagi pembelian peralatan dan keperluan persekolahan bagi tahun 2024.

Bermula tahun 2022, anak-anak yatim yang berdaftar melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) akan menerima bantuan mereka dari agensi-agensi yang lain, sama ada melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan agensi-agensi lain yang berkenaan.

Pendekatan ini adalah bagi mengelakkan duplikasi dalam membuat sumbangan mereka bolehlah memberi sumbangan melalui SMS sama ada BND100 atau BND50 atau BND20 atau BND15 atau BND10 atau BND5 atau BND1, iaitu dengan menaip kata laluan DANA dan diikuti dengan jumlah sumbangan (100 atau 50 atau 20 atau 15 atau 10 atau 5 atau 1) tanpa jarak dan menghantarnya ke nombor 38111 bagi pengguna talian DST dan Progresif atau 39999 bagi pengguna talian Imagine. Misalnya : DANA10 (bagi sumbangan

tersebut



diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada pegawai-pegawai daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, kupon DANA untuk seramai 2,056 orang diterima oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara,

Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim, manakala bagi Daerah Belait, kupon DANA untuk seramai 356 orang diterima oleh Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad, wakil Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Sementara itu, kupon DANA untuk seramai 423 orang bagi Daerah Tutong pula diterima oleh Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya, wakil Pemangku Pegawai Daerah Tutong manakala bagi Daerah Temburong, kupon DANA untuk seramai 146 orang diterima oleh Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, wakil Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Kupon-kupon tersebut seterusnya akan diserahkan kepada anak-anak yatim di seluruh negara melalui ketua-ketua kampung masing-masing.

Kupon-kupon ini sah ditukarkan atau digunakan di 24 buah syarikat yang membekalkan barang-barang tersebut telah dikenal pasti oleh DANA yang terletak di keempat-empat buah daerah, iaitu kedai-kedai yang membekalkan buku-buku latihan,

buku-buku kerja, peralatan tulis, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah serta kedai-kedai yang membekalkan barang-barang keperluan harian kanak-kanak bagi anak yatim yang belum bersekolah.

Di samping itu juga, kupon-kupon DANA boleh digunakan di sekolah sama ada di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama mahupun sekolah swasta.

Daripada 24 buah syarikat tersebut juga, sebanyak 12 buah syarikat bersetuju untuk menyumbangkan lima peratus daripada hasil jualan melalui kupon tersebut kepada DANA.

Sumbangan ini dihasratkan bagi memberi galakan dan kesedaran dalam kalangan anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka pada masa hadapan dan seterusnya memberi dorongan kepada mereka untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Bagi ibu dan penjaga pula, sumbangan ini dihasratkan bagi meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung khususnya apabila menjelang penggal awal persekolahan anak-anak mereka.

Adalah diharapkan bantuan seperti ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak yatim dan penjaga mereka.

Memorandum Kerjasama realisasikan peralihan tenaga



MENANDATANGANI bagi pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) ialah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan bagi pihak Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jepun ialah Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Tuan Yang Terutama Saito Ken (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengadakan perjumpaan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jepun.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TOKYO, Jumaat, 15 Disember. - antara Jabatan Perdana Menteri (JPM) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kementerian Ekonomi,



Perdagangan dan Industri Jepun bagi merealisasikan peralihan tenaga telah diadakan di Bilik Persidangan Antarabangsa, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jepun.

Menandatangani bagi pihak JPM ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan menandatangani bagi pihak Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jepun ialah Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Tuan Yang Terutama Saito Ken.


Selepas Penandatanganan, Majlis Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengadakan perjumpaan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jepun.

Kedua-dua pihak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas hubungan mesra dan erat di antara NBD dan Jepun yang telah lama terjalin dalam bidang-bidang seperti ekonomi, perdagangan dan pelaburan dan tenaga. Kedua-dua pihak juga berharap untuk memajukan lagi kerjasama tenaga

melalui MoC yang telah ditandatangani dalam merealisasikan usaha-usaha peralihan tenaga kedua-dua negara.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urstadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Awang Mohammad Nizam bin Haji Ismi dan Duta Besar Istremewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbuddin bin Haji Musa.

NBD-CHINA TANDATANGANI PROTOKOL EKSPORT PRODUK AKUATIK



MENANDATANGANI kedua-dua protokol bagi wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan manakala bagi pihak Republik Rakyat China ialah Tuan Yang Terutama Minister and Secretary of CPC Committee of the General Administration of Customs of the People's Republic of China.

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Sabtu, 16 Disember. - Majlis Penandatanganan Perjanjian Protokol mengenai Protokol Pemeriksaan, Kuarantin dan Keperluan Sanitari Veterinar untuk Produk Akuatik Liar yang Akan Dieksport dari Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Rakyat China dan Protokol mengenai Pemeriksaan, Kuarantin dan Keperluan Sanitari Veterinar untuk Produk Akuatik Kultur untuk Dieksport dari NBD ke Republik Rakyat China antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah diadakan di Beijing, Republik Rakyat China.

Menandatangani kedua-dua protokol bagi wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin manakala bagi pihak Republik

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Rakyat China ialah Minister and Secretary of CPC Committee of the General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC), Tuan Yang Terutama Yu Jianhua.

Penandatanganan protokol ini adalah keperluan untuk eksport produk akuatik dari NBD ke Republik Rakyat China. Oleh itu, objektif utama protokol ini adalah untuk memudahkan eksport lebih banyak produk akuatik dari NBD ke Republik Rakyat China dan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara ini dalam bidang biosecuriti, kuarantin, kebersihan dan pemeriksaan kesihatan produk akuatik yang akan dieksport ke Republik Rakyat China di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan sebagai Pihak Berkusa Kompeten untuk eksport hasil perikanan dari NBD dan Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China.

Dengan pemeteraian protokol ini, terdapat 134 produk akuatik dibenarkan yang baru diluluskan untuk dieksport dari NBD ke Republik Rakyat China daripada 42 produk akuatik yang diluluskan semasa, menjadikan jumlah keseluruhan 177 produk pertanian dan perikanan.

Pada tahun 2022, Republik Rakyat China telah direkodkan sebagai rakan dagangan import ketiga terbesar bagi NBD bernilai USD93.3 juta (BND125.4 juta), menyumbang 14.2 peratus daripada jumlah import. Sementara itu, bagi eksport, Republik Rakyat China direkodkan sebagai destinasi eksport keempat terbesar bagi NBD bernilai USD120.25 juta (BND161.6 juta), menyumbang

menyumbang kepada peningkatan jumlah eksport produk perikanan dari NBD untuk memastikan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Duta Besar Istremewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdur Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dan Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat.

10.2 peratus daripada jumlah eksport.

Dari 2019 hingga 2023, 3,556 MT produk perikanan dan 45 MT Musk Melon telah dieksport ke Republik Rakyat China.

Selain itu, protokol juga menyediakan platform untuk pertukaran maklumat mengenai keselamatan produk melalui pemantauan sisa kimia, penyakit dan pengawasan mikroorganisma di ladang aquakultur, loji pemprosesan dan premis penyimpanan sejuk.

Protokol tersebut akan

سوروهنجاى قىرخەدىن ئۇام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
www.RECRUITMENT.GOV.BN | www.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat I, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiodakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



PERASMIAN PESTA KAMPUNG UKONG

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 16 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Ukong menganjurkan Pesta Kampung Ukong yang berlangsung di Gelanggang Sukan kampung berkenaan, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang



ANTARA gerai jualan semasa Pesta Kampung Ukong berkenaan.

Mohammad Sofian bin Haji Basri. Antara pengisian pesta tersebut ialah gerai-gerai jualan, Persembahan Kebudayaan serta Persembahan Gulintangan dan Acara Sukan MPK bersama penduduk kampung.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian ucapan pengerus daripada Ketua Kampung Ukong, Awang Md. Hakimi bin Abdullah.

Awang Md. Hakimi dalam ucapannya menyatakan mewakili Jawatankuasa Pesta tersebut, melahirkan penghargaan kepada penduduk kampung dan individu-individu yang telah memberikan sumbangan berupa kewangan, buah fikiran dan tenaga dalam menjayakan pesta berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Kebudayaan, Pertandingan Bunga-bunga Hidup dan Peraduan Mewarna, Menganyam Ketupat dan tunjuk ajar menumpah Ambuyat.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa menumpah Ambuyat.

Antara lain tujuan pesta itu diadakan bagi memeriahkan dan menceriakan Kampung Ukong sempena Cuti Percutian Persekolahan Akhir Tahun 2023 sebagai tempat pelancongan tempatan.

Di samping mempromosikan jualan kraf tangan penduduk kampung tersebut kepada para pengunjung dari dalam dan luar kampung.

75 kanak-kanak MKOKU, Pusat Bahagia diraikan



JABATAN Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa mengadakan Hari Bersama Kanak-kanak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Fun Blocks Edutainment, Hua Ho Manggis (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Jabatan Pembangunan Masyarakat Kementerian (JAPEM),

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Hari Bersama Kanak-kanak Orang Kelainan Upaya (OKU) sempena

Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2023 yang disambut pada setiap 20 November dan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya pada setiap 3 Disember.

Acara yang diadakan di Fun Blocks Edutainment, Hua Ho Manggis berkenaan adalah bagi meraikan dan menceriakan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak kelainan upaya pada hari yang bermakna bagi mereka.

Seramai 75 kanak-kanak berdaftar di bawah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan Pusat Bahagia seluruh negara menyertai acara berkenaan bersama ibu bapa atau penjaga mereka.

Hadir selaku tetamu khas pada acara berkenaan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abd. Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Mohamad Asyraf bin Mohammad Ali.

Majlis juga turut diserikan dengan aktiviti peragaan pakaian daripada kanak-kanak kelainan upaya dan penyampaian hamper

dan cenderamata kepada peragawan dan peragawati daripada tetamu khas.

Turut hadir ialah wakil daripada MKOKU dan para pegawai kanan kerajaan.



سورو هنجای فر خدمت عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARikh UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn
dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

BIBD DINOBATKAN BANK PALING KUKUH DI NBD



Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Disember. - Bank Islam
Brunei Darussalam (BIBD)
dinobatkan sebagai Bank Paling
Kukuh 2023 dan Bank Islam Paling
Kukuh di Negara Brunei
Darussalam oleh The Asian
Banker. Pengiktirafan ini disokong
oleh prestasi kukuh BIBD merentas
metrik kewangan kritikal.

Menurut The Asian Banker, BIBD memperkenan peningkatan ketara dalam keuntungan, kualiti aset dan mudah tunai. Mengelakkan kedudukannya sebagai bank

terbesar negara mengikut jumlah aset, pertumbuhan deposit BIBD sejajar dengan penekanan strategiknya terhadap pengembangan perniagaan.

BIBD juga memperkenalkan peningkatan yang membanggakan dalam keuntungan bersih, mengesahkan prestasi kewangannya yang kukuh.

Kewarganegaraan yang kurang.
Banker Asia juga menyatakan beberapa petunjuk prestasi utama, terutamanya dalam bidang seperti nisbah pembiayaan tidak berbayar kasar, jumlah nisbah kecukupan

Pendaftaran SMS keputusan Pra-STPUB, STPUB dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan-peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan tersebut dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar pada Khamis, 14 Disember 2023, pukul 2.00 petang.

Pendaftaran melalui perkhidmatan SMS adalah dengan menapai KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON (jarak) NOMBOR KAD PENGENALAN PINTAR dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan-peperiksaan Pra-STPUB dan STPUB Tahun 1444H / 2023M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. melalui e-mel kheureresults@machbrunei.com.

PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri melahirkan rasa terima kasih atas pengiktirafan BIBD dinobatkan sebagai Bank Paling Kukuh 2023 dan Bank Islam Paling Kukuh di Negara Brunei Darussalam oleh The Asian Banker.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Bank Negara Brunei Darussalam atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Awang Junaidi turut melahirkan rasa terima kasih kepada pelanggan BIBD yang dihargai, sambil menekankan, "Kejayaan BIBD adalah sepenuh hati kerana sokongan dan kepercayaan berterusan pelanggan yang dihargai".

Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri melahirkan rasa terima kasih atas pengiktirafan tersebut, dengan menyatakan, "BIBD berasa rendah hati dan berbesar hati untuk diiktiraf sebagai Bank Paling Kukuh di Brunei melalui Kunci Kira-kira. Anugerah ini datang pada titik penting dalam perjalanan BIBD, ketika kami memperingati Ulang Tahun Ke-30 Tahun ini".

Managing Director & CEO

modal dan nisbah aset kepada jumlah deposit dan pinjaman yang melepassi purata industri. Ini meletakkan BIBD dalam *ranking* 1,000 teratas bank di seluruh dunia dan dalam 500 teratas bank Islam global.

Page 5

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Diri Anda

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

سرداله سوي

سايغى دان هر كا امس

مقصودن:

"بوكتله درقد كولوغن كامي بارغسياف يع تيدق مغاسيعي كانق-كانق دان تيدق مغحرمي اورغ ديواس." {Hadith رواية إمام ترمذى} كولوغن وركا امس سهاروشن دفلا-كوكن سجحارا بايك، دسايغي دان دحرمي كران اي اداله تونتوتن إسلام. كيت هندقله سدر بهاوا كيت جوك اكن برادا قد اوسيما توا سواتو هاري نتني.

نبي ﷺ برفسن أكثر كيت تروس بربقى كهد كدوا اورغ توا يع سوده لنجوت أوسيما. بقى ساورغ أنق كهد إيو باف بوليه منجادى فيب اوتنوق ديرين دماسوقن كشرك. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مقرابيغىن كلبيهن بربوات بايك كهد إيو باف ملالوي فرمانن دالم سورة الإسراء آية: ٢٣:

دان توهنmo تله مريتهگن سوقاي كامو جاغن ميمبه ملابيگن دي سمات-مات دان هندقله كامو بربوات بايك كهد إيو باف دعن سبايك-باي肯. جك ساله ساورغ درقد مريک بردوا اتو كدوا-دوان برمور لنجوت دالم جاكان دان قليهاران مو مك جاغلنه سكالي-كالي أغشو مغاتكن كهد كدوا-دوان (سسواتو فركنان يع بوليه مېيغىكۈچ فراسان سفترى فركنان) "اه، دان جاغنله أغشو منشكىغ كدوا-دوان تنايفي أوجحقنله كهد كدوا-دوان فركنان يع ملما (دعن برلە لمبۇ دان برسوون ستون).

منروسي آية ترسبوت، دافت كيت فهمي بهاوا مولياكن كدوا اورغ توا برأرتى مولياكن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، كران ايلته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مشهوبوغىن فريته بربوات بايك كهد إيو باف دعن فريته برتويد كهدن. أغشى روكىن، مريک يع ماسىي اد اورغ توا، تنايفي تيدق بربوات بايك كهد كدوا دان تيدق منونىگن تغلىغچواب يع سقاتون، سرت كاكل ميرىكىن فرهتىن كىتكى إيو باف داتغ مغادو، دان كاكل مغىسى رواغ سوبى دان راس ريندو إيو باف اوتنوق مندافتىن كاسىيە سايغ.

جماعه يع درجمىي الله،

مارىلە كيت منظاھيركىن راس حرمت دان كاسىيە سايغ كيت كهد كولوغن وركا امس دعن مبانتونى مريک سبايك موڭكىن. ميايغي وركا امس اداله صفة اورغ برقوى. كيت ظاھيركىن سىكىش كفرىيەتىن دان راس سيمقاتى ترهادف مريک دعن مەليلهارا قرهبۇغۇن يع بايك ترأوتام كهد إيو باف. موده-مودهن دعن دمكىن كھيدوون كيت اكن بهاكى دان سلامت دن داخىرە، آمين يا رب العالمين.

دان هندقله أغشى مرندە ديري دعن قفوه كاسىيە سايغ دان بردعاء له (اوتنوق كدوا-دوان): "يا توهن! كورنىاكىله رحمة كهد مريک بردوا سباكىمان مريک تله مەليلهارا دان مندىيىدەكىو سماس كچىل (لاكى).

{سورة الإسراء آية: ٢٤}

بارك الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتقبل منا تلاوته إنه هو السميع العليم، واستغفر الله العظيم لي ولكل ولسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه في فوز المستغفرين ويانحة التائين.

جماعه يع درجمىي الله،

برقوى له كيت كحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منيغىكتىن كېلماڭن كهدن. سىسغىكوهن اورغ يع فالىغ ملما دىسىسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايلە اورغ يع فالىغ برقوى. موده-مودهن كيت منجادى إنسان يع سنتىپاس مغايىتى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براولە كجييان دان كسلامەن دن دن جوك دا خيرى.

جماعه يع درجمىي الله،

حقيقة فطره باكى كحدادىن ستياف إنسان اكن ملالوي براف فروسيس فاسا دالم كھيدوون، برمولا دري فاسا دالم كندوغن، فاسا سلسەن كلاھىرن، فاسا كانق-كانق، فاسا رماج دان ديواس، دان أخىرىن فاسا دهارى توا.

ستياف فاسا يع دلالوي ايت اكن معتملى فروبەن-فروبەن دري أسىكىل فيزىكل، مېيتىل دان يېرسىي، سوسىال سىرت تياد كهد اد) كمودىن مروقاكن لومره يع اكن دلالوي اولىه ستياف إنسان، سباكىمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة النحل آية: ٧٠:

"دان الله منجىقتاكن كامو (واهي مانسى درقد تياد كهد اد) كمودىن دي ماتىكىن كامو، (مك اد انتارا كامو يع دسڪراكن ماتىن) دان اد قول انتارا كامو يع دكمبابىكىن كهد فريشك عمور (عقل) يع فالىغ لم سەھىك تيدق مغىتىي سسواتو يع فرنە دكتەۋىن. سىسغىكوهن الله مها مغىتىي لاكى مها بىكوس."

درى فرسىيكتىف إسلام، اوسيما امس بوكتله ساتو مىئىلە اتو بىنن، سىمالېقىن اي مروقاكن ساتو فروسيس يع بىاس دان قىلو داۋروسىكىن سىايىكىن اكىر متلامىت اخىر كھيدوون اين اوتنوق مندافتىن ئاخىرىن يع بايك اتو حسن الخاتمة اكن ترجاھى.

جماعه يع درجمىي الله،

إسلام مغاجر أومنىڭ أكىر مەعمەلەن سىكىش سالىغ مغحرمىتى دان مبانتونى انتارا ساتو سام لايى تىنقا مغيرا بىسما، قىشكەت اتوقۇن كتۇرۇن، سىكىش سفترى اين قىلو دىمای سەقى كچىل، لىبىه-لېبىه لاكى ترهادف كدوا، ماڭ اسىوھەلە أنق-أنق كيت اوتنوق براداد دعن سموا اورغ، لىبىه-لېبىه لاكى ترهادف إيو باف.

سىسغىكوهن مغحرمىتى دان مبانتونى إيو باف اداله واحد كران اي اداله قرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. جك كيت تيدق بربوات بايك ترهادف كدوا، ماڭ كيت دكىرا ملاكىكىن دوسا يسرا كران ملەغىكىر قرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة الأحقاف آية: ١٥:

"دان كامىي مريتهگن مانسى سوقاي بربوات بايك كهد إيو بافن، إيوون تله مغاندوغان دعن سوسە قايد دان ملاھىر كىن دعن سوسە قايد."

جماعه يع درجمىي الله،

رسول الله ﷺ تله مغاجر كيت اوتنوق بربوات بايك كهد اورغ دىواس سباكىمان يع دىسوتكىن دالم حدیث، درقد أنس بن مالك رەھىلەتەن، بىكىدا ﷺ بىرسىدا: لىيس مەنَ مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَفِرَنَا وَيُوَقِّرْ كَبِيرَنَا.

دعاء ممohen كفـد الله سقـاي تـرسـلامـة

درـفـدـ بلاـءـ دـانـ سـكـلـ جـنـيسـ فـيـاـكـيـتـ

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا فُوَّةً إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَبِّ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُثُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِّيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عَنْهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُفْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٌ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِي،
فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanmu. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مُبَاواٰ كِبَراً وَنَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسِرْ كَفْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan

1. Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 167 / 2023 / 2024
[BPPA-DIS-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka
Seri Begawan Sultan,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin
6 Bulan Pertama : BND752.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir : BND1,505.00 (Sebulan)

2. Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 168 / 2023 / 2024
[BPPA-DIS-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka

Seri Begawan Sultan,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin
6 Bulan Pertama : BND752.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir : BND1,505.00 (Sebulan)

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :

BND5.00

[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :

Sabtu,
23 Disember 2023.
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGANBilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0052 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply, Delivery,
Testing and Commissioning :
Portable Diesel Powered
Generator"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0053 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Supply and Installation Of
Seawater Intake Pipe & Sump At
Meragang Site"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Demolition Works Of Broken
Pole From Existing Fish Cages
At Serasa Bay"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
4 Januari 2024
jam 2.00 Petang.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKANBilangan Sebut Harga :
33 / DBP / SH / 2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Peralatan
Fotografi Dewan Bahasa
dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Sebut Harga :BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
2 Januari 2024
Tidak lewat jam
2.00 Petang



IKLAN

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(126) INFO / PK / K / 7
(2023 - 2024)

Tajuk Sebut Harga :
Membaki Kerosakan
dan Penyelenggaraan
Genset.

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Selasa,
26 Disember 2023
Jam 8.30 Pagi

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Replace, Supply and Install
Raw Sea Water Pump At Pantai
Serasa Pump House
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Repair, Modify and Upgrade
Fisheries Ecosystem Boat
(Bakara 35ft), Department Of
Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Replace, Supply and Install
Compound Electric and Solar
Street Lighting At Headquarter,
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"General Repair Works For
Bungalow House No. F7,
Jalan Pahlawan,
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut harga :
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"General Repair Works For
Bungalow House No. G22,
Jalan Maharajalela,
Pelumpong Muara,
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply and Deliver Pumps
to the Department Of Fisheries,
Marine Biodiversity Centre,
Meragang"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
4 Januari 2024
Jam 2.00 Petang

PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :
E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

INDEKS UTAMA BSI BAGI OKTOBER 2023 CATAT PENURUNAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BSI Oktober 2023	
Keadaan Perniagaan	49.7
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.0
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.6
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.6

Keadaan Perniagaan Oktober 2023 Mengikut Sektor

Pembinaan	50.3
Kesihatan & Pendidikan	50.2
Pembuatan	50.2
Pengangkutan & Komunikasi	50.2
Perdagangan Borong & Runcit	50.2
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Kewangan & Insurans	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	49.9
Perkhidmatan Lain	49.9
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.4

Keadaan Perniagaan Oktober 2023 Mengikut Saiz

Mikro	50.1
Kecil	50.0
Sederhana	49.9
Besar	50.1

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Oktober 2023 baru-baru ini.

Indeks tersebut adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 Sektor Ekonomi dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks itu boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

Keterangan indeks adalah seperti berikut iaitu nilai BSI, atas 50, dengan ulasan, keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya manakala, nilai BSI, 50 dengan ulasan iaitu keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan seterusnya BSI, bawah 50, keadaan yang merosot/ sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI dan indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan adalah 49.7 bagi bulan Oktober 2023.

Ini menunjukkan perniagaan di sektor swasta, secara amnya, berpandangan pesimistik terhadap keadaan perniagaan berbanding dengan bulan sebelumnya. Meskipun hasil kaji selidik menunjukkan beberapa perniagaan melaporkan keadaan

pekerja yang telah menamatkan perkhidmatan.

Sub-indeks kos perniagaan adalah 50.6 bagi bulan Oktober 2023, dan juga bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya kos menjalankan perniagaan dijangka akan meningkat pada bulan Oktober dan November 2023 berikutan jangkaan peningkatan dalam perbelanjaan berkaitan tenaga kerja terutamanya bagi pengambilan baharu, gaji lebih masa dan juga kenaikan gaji. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan akan terus meningkat disebabkan beberapa faktor termasuk kenaikan harga bahan dan barang lain, pembelian bahan mentah serta kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan.

BSI Oktober 2023 bagi keadaan perniagaan iaitu 49.7, keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan 50.0, pelaburan 50.1, pelaburan satu bulan ke hadapan 50.2, pelaburan tiga bulan ke hadapan 50.1, pengambilan pekerja 50.0, pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan 50.0, kos perniagaan bulan ini 50.6 dan kos satu bulan ke hadapan 50.6.

Dari segi Sektor Ekonomi, lima daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan Oktober 2023. Sektor yang mencatatkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.3 adalah Sektor Pembinaan disebabkan oleh peningkatan aktiviti dan projek pada bulan tersebut. Sektor Pengangkutan dan Komunikasi menjangka prestasi perniagaan yang lebih baik didorong oleh projek baharu, peningkatan jumlah pelanggan dan penambahan penerbangan udara baharu. Sektor Kesihatan dan pendidikan mencatatkan sentimen pesimistik dengan penamatkan kontrak dan aktiviti yang berkurangan. Sementara itu, Sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman, Kewangan dan Insurans, dan Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti bulan September 2023.

Keadaan perniagaan Oktober 2023 mengikut sektor iaitu pembinaan 50.3; kesihatan dan pendidikan 50.2; pembuatan 50.2; pengangkutan dan komunikasi 50.2; perdagangan borong dan runcit 50.2; pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan 50.0; kewangan dan insurans 50.0; harta tanah dan pemilikan kediaman 50.0; hotel dan restoran 49.9; perkhidmatan lain 49.9 dan minyak dan gas yang berkaitan 49.4.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perniagaan bersaiz mikro dan besar menjangka keadaan yang lebih baik pada bulan Oktober 2023 berbanding bulan sebelumnya. Secara amnya, para peniaga berpandangan positif

dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan dan permintaan yang lebih tinggi bagi produk dan perkhidmatan. Perusahaan bersaiz sederhana menunjukkan sentimen pesimistik dengan jangkaan perbelanjaan domestik yang lebih rendah disebabkan oleh peningkatan perjalanan keluar negeri. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama pada Oktober 2023 berbanding bulan sebelumnya.

Keadaan perniagaan Oktober 2023 mengikut saiz iaitu mikro 50.1, kecil 50.0, sederhana 49.9 dan besar 50.1.

Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah merujuk infografik yang dipaparkan. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang di Instagram BDCB @centralbank.brunei.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023
2. 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023
3. 'Memupuk Semangat Kesukarelawan'. Tarikh Tutup : 03 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BDAIDSCOUNCIL PELAJARI PERKHIDMATAN, AKTIVITI DITAWARKAN NGO MALAYSIA



SERAMAI tujuh ahli menyertai lawatan berkenaan yang bertujuan untuk mempelajari dan memerhati secara lebih dekat perkhidmatan / program / aktiviti yang ditawarkan oleh NGO Malaysia yang berkaitan dengan HIV / AIDS.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis AIDS Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Majlis AIDS Brunei Darussalam

(BDAIDSCouncil) merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada

tahun 2000, bergerak secara aktif dalam menyebarkan kesedaran mengenai penyakit HIV / AIDS di Negara Brunei Darussalam.

Pelbagai program dan aktiviti

telah pun diungkayahkan pada setiap tahun dengan kerjasama daripada Kementerian Pendidikan, Pusat Promosi Kesihatan, Pusat Da'wah Islamiah

dan Jabatan Pembangunan Masyarakat bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai faktor risiko gejala sosial yang menyumbang kepada berlakunya peningkatan penyakit Jangkitan Hubungan Seksual (STI) terutama sekali HIV / AIDS.

Oleh yang demikian, bagi memantapkan lagi program dan aktiviti yang akan diungkayahkan, satu projek iaitu lawatan ilmiah dicadangkan bagi ahli-ahli BDAIDSCouncil yang berdaftar.

Seramai tujuh ahli menyertai lawatan berkenaan yang bertujuan untuk mempelajari dan memerhati secara lebih dekat perkhidmatan / program / aktiviti yang ditawarkan oleh NGO Malaysia yang berkaitan dengan HIV / AIDS; mengukuhkan lagi penglibatan Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa; memberi pendedahan kepada para peserta cara-cara menangani isu-isu yang berkaitan dengan gejala sosial dan HIV / AIDS dengan lebih berhemah; dan menjalankan hubungan silaturahim dan kerjasama dengan NGO di luar negara.

Lawatan yang ditaja oleh Gleneagles JPMC berkenaan berlangsung selama lapan hari mulai 15 hingga 22 Disember 2023 dan diisikan dengan lawatan ke beberapa buah NGO yang menawarkan perkhidmatan / program dan aktiviti yang berkaitan dengan HIV / AIDS.

Memperkuuh hubungan budaya, seni pembikinan filem



ANTARA pengarah filem terkemuka yang hadir (atas), manakala gambar atas kanan, tayangan pada tahun ini berkisar pada tema retrospeksi, menawarkan gambaran tentang evolusi dan pencapaian penerbitan filem Malaysia selama ini.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Film Blitz

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Tahun ini menandakan peristiwa penting bagi perfilman Malaysia, apabila pengarah filemnya mengambil bahagian pada tayangan antarabangsa Brunei Film Blitz.

Tayangan antarabangsa yang diadakan di Mahakarya Institute of the Arts Asia dan The Mall Cineplex, mempamerkan kepelbagaiannya bakat dan kreativiti pembuat filem Malaysia.

Antara pengarah filem terkemuka yang hadir ialah Sharuddin Mat Dali, individu penting di sebalik 'Mat Kilau'; Zarul Albakri, pengarah 'Kembara Seniman Jalanan' dan gandingan

dinamik Dato Nancie Foo dan Darin Wendy Wong, mewakili 'Sumpahan Jerunei'.

Festival itu turut menampilkan karya agung sinematik 'Leftenan Adnan' oleh Aziz M. Osman, menambahkan lagi kepelbagaiannya yang kaya dengan penceritaan Malaysia di persada antarabangsa.

Penonton Brunei menerima baik filem Malaysia di kedua-dua tempat tayangan, menekankan tarikan universal dan kepentingan budaya karya sinematik ini.

Acara Brunei Film Blitz berfungsi sebagai platform yang ideal, untuk memupuk pertukaran budaya dan penghargaan.

Tayangan tahun ini berkisar pada

tema retrospeksi, menawarkan gambaran tentang evolusi dan pencapaian penerbitan filem Malaysia selama ini. Ia memberi peluang kepada penonton, untuk merenung tentang warisan pawagam Malaysia yang kaya dan impaknya yang berterusan di pentas global.

Memandangkan filem Malaysia dapat menawan hati penonton di Brunei Film Blitz, acara itu bukan sahaja meraikan seni pembikinan filem, malah mengeratkan hubungan budaya antara Malaysia dan Brunei.

Kerjasama bersejarah ini menjalankan membuka jalan bagi lebih banyak peluang untuk dialog dan kerjasama silang budaya pada masa hadapan.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Festival Antarabangsa Motosikal Berkuda Tinggi Kepulauan Borneo (Borneo Island International Big Bike Festival - BIBBF) Ke-21 bagi Tahun 2023 menghadiri Multaqa Melayu Islam Beraja yang diadakan di Pusat Sejarah Brunei (PSB). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



ANTARA aktiviti yang mengambil tempat semasa Kempen Hari Bertindak (DOA) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

ANTARA yang menyertai Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2023 / 2024 selama lima hari yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



LAFAZ ikrar daripada pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 yang berlangsung di Dewan Kuliah, Kem Latihan PKBN Batu Apoi, Temburong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

ANTARA aksi Pasukan Brunei DPMM FC bertemu Tampines Rovers FC pada saingan penentuan tempat ketiga Piala Singapura 2023. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

Program Perkhemahan Belia : Memupuk sifat mahabbah generasi belia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Sabtu, 16 Disember. - Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah Kali Ke-9 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan dikelolakan oleh Kumpulan Al-Qudwah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan dari 14 hingga 16 Disember 2023 berakhir dengan Majlis Penutup yang berlangsung petang tadi di Auditorium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang

Sufinah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Supri bin Haji Sudin.

Majlis juga turut diselitkan dengan Ceramah Motivasi bertajuk 'Anak-anak Adalah Amanah dan Anugerah Allah Subhanahu Wata'ala' yang disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah Sdn. Bhd., Awang Waqiyuddin bin Haji Damit, yang juga Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Menyedari peranan golongan belia dalam membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan kesejahteraan, mereka perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam memikul tanggungjawab sebagai pewaris pemimpin pada masa akan datang.

Program Perkhemahan pada tahun ini bertemakan 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati' bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1445 Hijrah.

Ini juga adalah sebagai satu inisiatif untuk memupuk sifat mahabbah dan mencontoh akhlak dan budi pekerti mulia yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Matlamat program berkenaan juga membentuk jiwa generasi belia untuk kembali kepada Allah, membina kekuatan jati diri dan menyuburkan rasa ukhuwah dalam kalangan peserta serta menyuntik jiwa peserta agar mempunyai rasa izzah pada agama yang dikasihi.

Oleh itu, adalah diharapkan agar program berkenaan dapat memberi manfaat serta memenuhi dan mencapai matlamat dan objektifnya kepada semua peserta.

Pada majlis berkenaan juga diseluruh dengan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada dua Peserta Terbaik, iaitu Awang Muhammad Khairul Aiman Akmal @Yussof Almahdi bin Haji Rusli



PEMANGKU Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah Kali Ke-9 (atas dan bawah kiri).

daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Dayang Lina Jasmine binti Abdullah daripada Universiti Brunei Darussalam.

Manakala Kumpulan Terbaik bagi peserta Muslimin ialah Kumpulan 2 dan Kumpulan 6 bagi peserta Muslimim yang mengikuti Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah Kali Ke-9 pada tahun ini.

Pihak YSHHB juga turut melaksanakan beberapa usaha dalam mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia

dalam pembangunan masyarakat dengan menyediakan pelbagai skim dan program seperti Program Perkhemahan Belia berkenaan.

Program Perkhemahan Belia berkenaan bertujuan untuk meningkatkan keimanan, motivasi diri, serta menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi dan fizikal setiap peserta.

Pelbagai aktiviti dan pengisian yang padat disusun sebagai medium dalam melaksanakan program pembinaan keperibadian peserta dan bagi memenuhi tuntutan jiwa dan dalaman.

ROMBONGAN NBD BERLEPAS KE REPUBLIK KOREA



PEGAWAI dari Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat, Dayang Norhidanajibah binti Haji Tompal.

baharu melalui aktiviti yang diatur oleh pihak ACGS.

Semasa program tersebut, para pelajar akan berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti dan sesi seperti majlis pembukaan, menghadiri kuliah dan pembentangan berkumpulan secara silang negara.

Pada masa yang sama, 15th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science juga diadakan untuk memperkaya dan meningkatkan kecekapan pedagogi guru melalui perbincangan dan berkongsi idea mengenai isu pendidikan global, latihan praktikal yang mendalam mengenai kit sains dan lawatan ke salah sebuah sekolah di Seoul.

Semasa sesi kongsi sama guru, Dayang Nurul Syazana binti Haji Ismail akan membuat pembentangan berkaitan pendidikan berdasarkan kompetensi Abad Ke-21 dan inisiatif sekolah dalam pembentukan kompetensi Abad Ke-21 di dalam mata pelajaran Sains.



AWANG Muhammad Akif Fadli bin Isma-Norfaizal dari JIS.

SEROMBONGAN tiga pelajar dan dua pegawai Kementerian Pendidikan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyertai 13th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 15th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science ke Republik Korea.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 16 Disember. -

Serombongan tiga pelajar dan dua pegawai Kementerian Pendidikan hari ini berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyertai 13th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 15th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science ke Republik Korea.

Penyertaan rombongan dari Negara Brunei Darussalam diselaraskan dengan Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat, Kementerian Pendidikan anjuran ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dan disokong oleh ASEAN Secretariat pada 17 hingga 23 Disember 2023 di Seoul dan

Gyeonggi Province, Republik Korea.

Pelajar yang menyertai terdiri daripada pelajar Tahun 10 iaitu Awang Muhammad Hazim Khairunas Aisy bin Mohd Khairul dan Dayang Nurin binti Idris dari International School Brunei (ISB); dan Awang Muhammad Akif Fadli bin Isma-Norfaizal dari Jerudong International School (JIS).

Manakala Pegawai Pendidikan dari Pusat Tingkatan Enam Belait, Kluster 6, Dayang Nurul Syazana binti Haji Ismail hadir selaku peserta (guru) dan mentor kepada para pelajar berkenaan.

Para delegasi juga disertai oleh pegawai dari Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat, Dayang Norhidanajibah

binti Haji Tompal, semasa ditemui menyatakan para pelajar akan menghadiri upacara pembukaan dan diikuti dengan ucaptama selain menghadiri kuliah dan pembentangan Silang Negara dan aktiviti-aktiviti lain.

Selaku pemerhati dan ketua rombongan itu seterusnya berharap para pelajar akan dapat memupuk minat dalam bidang sains dan teknologi memandangkan pada masa ini penekanan diberikan ke atas mata pelajaran STEAM dan ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035.

Sementara Awang Muhammad Akif Fadli yang minat dalam bidang setentunya berharap bengkel ini akan dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuannya mengenai

Sustainable Science and the Role of Scientists merupakan program tahunan yang bertujuan untuk mengumpulkan para pelajar cerdas pintar dan berbakat dalam bidang sains dan teknologi, memberikan peluang untuk bekerjasama dan memamerkan kemahiran dalam persekitaran yang mencabar.

Di samping itu, ia juga memberikan peluang kepada para guru untuk menghadiri seminar dan bengkel tersebut dan berbincang serta mendapatkan idea-idea

ROMBONGAN UMRAH PERTAMA SYARIKAT AS SAFA TRAVEL AND TOURS BERLEPAS



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Seramai 19 jemaah yang akan menunaikan

ibadah umrah bertolak meninggalkan negara baru-baru ini.

Para jemaah termasuk dua pegawai Syarikat As Safa Travel and Tours. Penerbangan rombongan umrah berlepas dari Negara Brunei Darussalam menuju ke Jakarta dan terus ke Madinah.

KETUA Pegawai Eksekutif As Safa Travel and Tours, Pengiran Haji Mohd Naasiruddeen bin Pengiran Haji Yusoff semasa ditemui bual (kanan). Manakala gambar kiri, jemaah yang akan menunaikan ibadah umrah bertolak meninggalkan negara.



untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Tambahnya, walaupun masih baharu namun pegawai serta kakitangan syarikat antaranya sudah mempunyai pengalaman dalam pelancongan.

"Kami akan cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menanai amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dan membuat sehabis baik agar para jemaah dapat menunaikan ibadah umrah dengan sempurna," ujarnya.

Beliau juga berharap agar Syarikat As Safa Travel and Tours akan terus berkembang maju selangkah demi selangkah

Adapun As Safa Travel and Tours ditubuhkan awal tahun ini dan sebagai ejen pelancongan sepenuhnya dalam menyediakan semua perkhidmatan pelancongan, termasuk pakej percutian, tiket dan insurans perjalanan.

9 pelajar sertai Program JENESYS di Jepun

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Disember. - Seramai sembilan orang pelajar menyertai Program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS), yang akan berlangsung selama tujuh hari bermula 13 Disember sehingga 19 Disember 2023 di Jepun.

Program tersebut disertai oleh ahli-ahli negara ASEAN yang lain dan juga Timor-Leste.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diwakili oleh para pelajar Tahun 10 dan Pra-Universiti daripada tiga buah sekolah kerajaan iaitu tiga dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan terdiri daripada Dayangku Aida Qistina binti Pengiran Junaidi, Dayang Amni Syazana Basirah binti Saiful Rijal dan Dayang Nur Alya Zahra binti Aliman manakala tiga dari Pusat Tingkatan Enam Belait iaitu Awang Ahmad Danish bin Haji Amirhalim, Dayang Lau Jia Wen dan Awangku Md. Yazid bin Pengiran Haji Md. Jafaruddin serta tiga lagi dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah iaitu Arriana Chariz Gamido Phua, Dayang Alya Irdina binti Rasman dan Dayang Alya Batrisya binti Abdul Rahman.



SERAMAI sembilan orang pelajar menyertai Program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS), yang akan berlangsung selama tujuh hari bermula 13 Disember sehingga 19 Disember 2023 di Jepun.

bin Haji Amirhalim, Dayang Lau Jia Wen dan Awangku Md. Yazid bin Pengiran Haji Md. Jafaruddin serta tiga lagi dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah iaitu Arriana Chariz Gamido Phua, Dayang Alya Irdina binti Rasman dan Dayang Alya Batrisya binti Abdul Rahman.

Turut serta selaku guru pengiring ialah Pegawai Pelajaran dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Zati Izni Fazreena binti Haji Mohd. Hussin. Delegasi bagi program tersebut bertolak ke Jepun hari ini.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-sekolah dan

Jabatan Pendidikan Swasta, menyelaras penyertaan delegasi ke negara Jepun dengan tujuan utama untuk meningkatkan persahabatan antara Jepun dan negara-negara ASEAN dan Timor-Leste dengan mempersembahkan dan bertukar-tukar filem dan

meningkatkan persefahaman melalui pertukaran budaya.

Semasa program tersebut itu nanti, para pelajar akan berpeluang untuk menyertai kegiatan dalam negeri termasuk menghadiri Festival Filem Kanak-kanak Antarabangsa Asia Ke-16.


suruhanjaya perkhidmatan awam
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU



Pembuatan kek yang kreatif

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Dayang Nurul Akmaliah Roslan

KEK yang menarik lazimnya menjadi tarikan malah boleh menggembirakan hati orang yang diraikan. Tidak kira sama ada ia dibuat sempena hari jadi, ulang tahun perkahwinan atau ucapan tahniah, tanpa kek seolah-olah suasana keraian itu tidak lengkap.

Sebagai kenangan, beberapa pihak yang hadir juga lazimnya akan turut menggambar kek yang menarik itu lalu dimuat naik ke media sosial masing-masing. Melalui perkongsian inilah, orang ramai dapat melihat pelbagai idea yang lebih menarik lagi, menjadikan permintaan kek yang agak kreatif semakin meningkat.

Dayang Nurul Akmaliah binti Roslan, 33, telah mengusahakan pembuatan kek di rumahnya secara sepenuh masa.

Pada awalnya membuat perniagaan kek ini hanyalah secara sambilan sahaja sementara mencari pekerjaan yang tetap namun akhirnya mengubah fikiran menjadi sepenuh masa setelah melahirkan anak pertama yang mana keputusannya ini juga mendapat sokongan daripada suami, keluarga dan teman rapat.

Bermula dengan menjual brownies, beliau kemudian mempelbagaikan produknya iaitu membuat kek pelbagai perisa, kek cawan, kek tembikai strawberi, kek piñata, buah tangan mini piñata dan sebagainya.

Semasa pandemik COVID-19 melanda, perniagaannya agak menurun oleh itu beliau perlu memikirkan perniagaan lain yang boleh menarik perhatian pelanggan ketika itu. Di luar negara, kek piñata

semakin popular dan ia belum begitu popular di Negara Brunei Darussalam ketika itu (tahun 2020). Bermula tanpa adanya pengetahuan membuatnya, beliau kemudiannya telah berjaya menghasilkan kek piñata untuk anak saudaranya. Beliau telah memuat naik kek tersebut ke laman Instagram dan semenjak hari itu, ramai yang bertanya untuk menempah kek piñata ini.

Pada tahun ini, beliau telah menghasilkan lagi satu produk baharu iaitu buah tangan mini piñata yang beliau telah rancang selama setahun. Alhamdulillah, produk ini juga telah menjadi produk yang laris dalam perniagaannya.

"Keunikan kek piñata cake ini adalah ia boleh diisi dengan brownies dan coklat atau boleh juga diisi dengan cake. Pelanggan juga boleh menyimpan hadiah kejutan di dalamnya untuk orang yang diraikan," katanya.

Selain dua produk ini, kek tembikai strawberi juga sering mendapat tempahan namun ia tertakluk kepada stok jualan strawberi di kedai.

Ditanya mengenai tempat mendapatkan bahan, beliau menyatakan bahwa kebanyakannya diperoleh dari pasaran tempatan manakala untuk pembungkusan, acuan untuk mereka bentuk lazimnya ditempat dari luar negeri.

Dalam mereka bentuk kek, beliau hanya mempelajarinya dari YouTube dan video di Instagram. Beliau suka mencuba sesuatu yang baharu dalam mengembangkan lagi pengetahuan membuat kek. Oleh itu sekiranya ada pelanggan yang menghendaki beliau membuat reka bentuk

yang belum pernah dibuat, beliau akan menerima dan menjadikan ia sebagai cabaran baharu dalam mengasah pengetahuan dan kemahiran. Bagi beliau membuat reka bentuk kek ini adalah satu terapi dan kepuasan akan dicapai sebaik saja dapat memenuhi apa yang dikehendaki oleh pelanggan.

Selama enam tahun bermula membuat kek, tidak dinafikan banyak permintaan pelanggan yang perlu dihadapi yang reka bentuknya adakalanya mencabar. Tambah lagi jika ada pelanggan yang menempah pada saat-saat akhir. Kekangan masa untuk kek yang memerlukan reka bentuk yang kreatif, mungkin boleh terjejas dan tidak menepati seperti yang dikehendaki pelanggan. Oleh itu pelanggan yang memahami kesukaran ini, amat beliau hargai.

Harga pula adalah tertakluk kepada jenis dan reka bentuk yang dimahuhan pelanggan. Semakin kompleks reka bentuknya, maka semakin mahal juga harganya.

"Bukan mudah untuk membuat dan mereka bentuk kek. Pembuat mesti kreatif supaya reka bentuk kek lain daripada yang lain. Lebih banyak masa diberi, insyaAllah kualiti pembuatan kek juga dapat dijaga," jelas Dayang Nurul Akmaliah.

Lazimnya beliau menerima tempahan sekurang-kurangnya satu ke dua minggu sebelum tarikh dikehendaki supaya dapat menyusun jadual harian dengan lebih terperinci.

"Tempoh menyiapkan kepelbagaiannya reka bentuk, dan rekaan yang agak kompleks boleh mengambil masa hingga tiga hari," terangnya.

Beliau tidak mempunyai pembantu dan semua proses bermula dari merancang,

mengukir dan membakar kek dan semua aspek perniagaan dibuat sendiri. Bagi mereka yang ingin melihat hasil buatan kek beliau, bolehlah melayari laman Instagram @aurorabakehouse.bn .

Beliau yang mempunyai kelulusan ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Microbiology dari University of Aberdeen (UK), bersyukur kerana bermula dari rumah membolehkan beliau meluangkan masa dengan anak-anak, mudah menguruskan masa menghantar dan mengambil anak sekolah, mudah merancang cuti bersama keluarga malah dapat membantu kewangan keluarganya memandangkan kos kehidupan yang semakin meningkat. Membuat perniagaan dari rumah juga membuatkan beliau tidak perlu memikirkan sewa kedai dan mudah bagi beliau memeduli keperluan anak-anaknya yang masih kecil.

Mengubah hala tuju bidang pekerjaan setelah berjaya menggenggam segulung ijazah, antara cabaran yang perlu dihadapi oleh lepasan graduan pada masa ini. Apabila rezeki bertapak pada bidang yang lain, terimalah ia dengan hati terbuka dan berusaha mengasah kemahiran pada bidang yang baharu itu. Contohnya, Dayang Nurul Akmaliah berusaha secara maksimal mengasah kemahiran dalam kemahiran membuat kek dan dapat mengimbangi kehidupan bersama suami dan anak-anak. Sebagai seorang pemegang ijazah, memilih untuk bermula dari rumah merupakan satu pilihan yang juga boleh menjana pendapatan. Malah dengan taraf pendidikan yang beliau ada, beliau dapat memberi tumpuan kesejahteraan dan pendidikan anak-anaknya dan dalam masa yang sama menguruskan perniagaannya.



Berwaspada dalam berinteraksi di media sosial

Oleh : Nurul Rasyidah Mohammad Rosland

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

MEMUPUK sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan orang lain ketika berkomunikasi dalam media sosial adalah penting pada zaman ini lebih-lebih lagi kepada generasi muda yang tidak dapat berenggang daripada media sosial mereka masing-masing. Media sosial memberi kemudahan dan manfaat yang luar biasa kepada masyarakat seperti mendapatkan maklumat dengan segera, berhubung dengan keluarga dan sahabat pada bila-bila masa sama ada yang jauh mungkin dekat, mengetahui akan isu semasa, memperoleh pengetahuan baharu dan sebagainya. Segenap lapisan masyarakat pada masa kini menjadikan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, Telegram, TikTok dan seumpamanya sebagai medium informasi dan perhubungan dalam kehidupan sehari-hari.

Kesan buruk

Namun, semua kebaikan ini boleh menjadi satu keburukan apabila ia tidak diguna pakai dengan betul dan tepat. Oleh itu, perlulah kita menjaga adab dan etika ketika menggunakan kaedah media sosial ini untuk melestarikan dan mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Antara kesan

buruk yang mungkin timbul jika media sosial disalahgunakan adalah sebagai medan untuk mengata ataupun mengaibkan orang, menjadi tempat perdebatan dan bertegang urat, platform penyebaran masalah sosial dan konten negatif bukan sahaja dalam kalangan remaja, bahkan juga dalam kalangan kanak-kanak dan juga dalam kalangan orang dewasa dan lain-lain lagi.

Media sosial juga membuka pintu kepada kes-kes jenayah seperti pencemaran nama baik atau fitnah, buli siber, penyebaran berita tidak sahih dan video tidak senonoh, penipuan dalam talian (*online scam*) dan sebagainya. Perkara ini boleh memberi impak kepada kesihatan mental seseorang seperti keresahan (*anxiety*), kemurungan (*depression*), rendah diri, gangguan keperibadian anti-sosial, perilaku kompulsif dan boleh membawa kepada keinginan untuk menamatkan riwayat hidup. Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh memberi impak negatif yang lebih besar kepada masyarakat.

Adab, etika

Untuk menghindari daripada berlakunya kejahanan, perlu kita menerapkan beberapa adab dan etika ketika menggunakanannya. Sesungguhnya teknologi maklumat komunikasi berdasarkan media sosial pada

dasarnya adalah untuk mempermudahkan sesuatu. Jika media sosial digunakan dengan niat yang betul maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup. Jika sebaliknya, ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan.

Ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media-media sosial, kita perlulah menyedari bahawa diri kita telah terdedah kepada dunia yang terbuka luas tanpa sempadan. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga akhlak, adab dan etika ketika berkomunikasi dan berinteraksi di dalam media sosial tersebut. Contohnya, dengan menjaga tutur bicara dan perkataan dan memastikan setiap perkataan yang dilafazkan ataupun ditulis itu ialah sesuatu yang elok, baik dan betul. Ini termasuklah dengan tidak melafazkan kata-kata ataupun menggunakan perkataan yang tidak baik seperti menghina, mencela, berbicara yang kurang sopan dan segala bentuk perkataan buruk lainnya. Menjauhi prasangka dan mencari-cari kesalahan orang lain kerana sifat-sifat ini akan membawa kepada fitnah. Dalam era moden yang serba canggih ini, perbuatan mengata dan menabur fitnah begitu mudah disebarluaskan.

Perlu diingat, dalam agama Islam, mengumpat dan memfitnah adalah satu perbuatan haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Oleh itu, kita

hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kepada kata-kata umpat dan fitnah. Perlulah kita untuk melatih diri dengan 'Tabaiyyin' iaitu mensabitkan dan menyemak asas kebenaran sesuatu perkara. Setiap perkara, informasi, berita ataupun khabar yang diterima dan diperoleh itu hendaklah diselidik dan disiasat terlebih dahulu kebenaran dan kesahihannya sebelum menyebarkan ke laman-laman sosial dan aplikasi-aplikasi tertentu.

Sebagai pengguna media sosial yang bijak, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan sentiasa berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita terutamanya ketika kita berinteraksi dan berkomunikasi di media sosial. Dengan kemudahan yang kita ada pada masa ini, hendaklah kita sentiasa ingat untuk tidak terlalu leka dalam menggunakanannya hingga menyebabkan kita alpa untuk menjaga adab dan etika sewaktu berada di dunia siber. Gunakanlah media sosial dengan sebaik mungkin dan secara sederhana untuk mencegah kerugian kepada diri sendiri mahupun masyarakat kerana sesuatu yang berlebihan itu adalah tidak baik. Dengan menjaga kelakuan kita ketika berinteraksi di media sosial, ia boleh memberikan impak positif dalam menjalani kehidupan yang lebih tenang dan harmoni.



JIS LANCARKAN PROGRAM PEMULIHARAAN MARIN



SEKOLAH Antarabangsa Jerudong (JIS) dan Poni Divers melancarkan Program JIS Reef Ball, iaitu inisiatif pemuliharaan dan pendidikan marin yang melibatkan terumbu tiruan dan aktiviti pembiakan karang. Program ini melibatkan pelajar JIS untuk belajar mengarang, menanam karang dan menggunakan terumbu (atas dan gambar-gambar bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Poni Divers

JERUDONG, Sabtu, 16 Disember.

- Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) melalui Kelab Menyelam (Dive Club) dan Poni Divers berjaya melancarkan Program JIS Reef Ball, inisiatif pemuliharaan dan pendidikan marin yang melibatkan terumbu tiruan dan aktiviti pembiakan karang.

Sebanyak 10 bebola terumbu (Reef Balls) direka pada 25

November 2023 semasa Kursus Reef Ball Fabricator yang pertama diadakan di Brunei. Sembilan daripada bebola terumbu tersebut telah digunakan semasa Kursus Reef Ball Discovery yang pertama hingga Pelong Rock pada 9 Disember 2023 dengan 30 karang ditanam pada bebola terumbu.

Program Brunei Reef Ball adalah

satu inisiatif pemuliharaan marin oleh Projek LAUT Brunei (Mencari Khazanah Bawah Air Brunei) di bawah Yayasan Poni, bertujuan untuk mencari reka bentuk terumbu tiruan kos rendah yang mampan dan kaedah penggunaan untuk terumbu karang jangka panjang dan pemuliharaan habitat marin.

Bebola terumbu ialah bebola konkrit kejuruteraan khas yang dibina tanpa sebarang rebar logam, dengan bahan tambahan khas untuk menjadikannya mesra karang dan boleh bertahan sehingga 500 tahun di dalam laut.

Ia juga direka bentuk untuk menjadi rumah bagi ikan yang membantu memuliharkan stok perikanan dan membina semula terumbu karang dan juga boleh digunakan sebagai alat anti pukat tunda, dan untuk pemuliharaan bauku dan perlindungan pantai.

Program JIS Reef Ball melibatkan pelajar dari JIS, belajar mengarang, menanam karang dan menggunakan bebola terumbu dari awal hingga akhir.

Program ini bermula dengan Kursus Reef Ball Fabricator pada 25 November 2023 di kampus di JIS Outdoor Discovery Centre di mana pelajar berpeluang mendapat pengalaman secara

langsung membuat bebola karang yang melibatkan peserta paling muda berusia 8 tahun.

Sebanyak 10 bebola terumbu pertama yang dibuat di Brunei di sebuah institut pendidikan telah dibuat, dengan pelajar menamakan bebola terumbu mereka, belajar tentang sains pertumbuhan karang dan cara mencipta campuran konkrit yang betul untuk konkrit neutral pH untuk karang membiak secara semula jadi pada bebola terumbu.

Selepas bebola terumbu awet, lapan penyelam dan dua penyelam snorkel dari JIS mengambil bahagian, dalam Kursus Reef Ball Discovery pertama oleh Poni Divers yang menggunakan sembilan daripada 10 bola terumbu pada 9 Disember 2023, dengan satu bola terumbu masih dipamerkan di Kampus JIS.

Kelab Menyelam JIS dan Program JIS Reef Ball bertujuan untuk membina terumbu JIS sendiri dengan sokongan pelajar dan penyelamnya setiap tahun, menanam terumbu dan menanam karang di atasnya, melakukan peranan mereka dalam melindungi khazanah bawah perairan Brunei dan mendidik generasi masa depan penjaga laut.

Para pelajar akan mendapat peluang melawat terumbu karang

dan melihat perkembangan pertumbuhan karang pada bebola terumbu mereka untuk generasi akan datang dan mempunyai rasa pemilikan terhadap terumbu karang yang mereka sumbangkan.

Kelab Menyelam JIS aktif menyelam sejak 2013 dan telah memperakui lebih 200 penyelam remaja sejak penubuhannya.

Dengan tumpuan yang kuat untuk melibatkan belia dalam program sebegini, Inisiatif LAUT Brunei dan Program Brunei Reef Ball berharap, dapat memberi inspirasi kepada rakyat Brunei untuk berasa teruja untuk melindungi lautan mereka dan melihat sendiri keindahan hidupan marin dan terumbu karang Brunei serta mengambil bahagian secara aktif, dalam perlindungan laut tempatan kita melalui tindakan mereka sendiri.

Menurut Ayu, salah seorang peserta, mengongsikan keseronokan dan mahu melakukannya sekali lagi. Ia benar-benar mudah dan sangat mudah untuk dipelajari dan tidak menyangka perairan Brunei begitu jernih.

Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu #14 - Life Below Water bertujuan untuk memulihara dan menggunakan secara mampan lautan, laut dan sumber marin untuk pembangunan mampan.

Program JIS Reef Ball dan fabrikasi serta penggunaan bebola terumbu dan penanaman karang memenuhi Sasaran 14.2, untuk melindungi dan memuliharkan ekosistem marin dan pantai dan Sasaran 14.8, untuk meningkatkan pengetahuan saintifik, penyelidikan dan teknologi untuk kesihatan laut.

Poni Divers telah melabuhkan lebih 40 bebola terumbu pada tahun 2023. Mereka akan menggunakan 120 lagi bebola terumbu dengan penaja korporat bebola terumbu pertama mereka SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. (SCTS) dan menanam lebih 600 batu karang dalam tempoh 6 bulan akan datang dengan 120 pelajar tempatan.

Matlamat mereka adalah untuk mendapatkan lebih 1,000 bebola terumbu di laut menjelang Julai 2025, dengan lebih banyak sokongan daripada komuniti dan penaja tempatan.



NEGARA-NEGARA ASIA UCAP TAKZIAH ATAS KEMANGKATAN EMIR KUWAIT



NEW DELHI, 17 Dis. - Maldives, Pakistan, India dan negara-negara lain di Asia mengucapkan takziah atas kemangkatan Emir Kuwait Sheikh Nawaf Al Ahmad Al Jaber Al Sabah pada Sabtu.

"Dunia Islam kehilangan seorang pemimpin yang hebat dan penyokong kuat perjuangan Ummah. Takziah saya ucapkan kepada kerabat diraja dan rakyat Kuwait."

"Kerajaan dan rakyat Pakistan bersama saudara di Kuwait ketika saat yang penuh kedukaan ini," kata Presiden Pakistan Arif Alvi.

Presiden Maldives Mohamed Muizzu mengarahkan bendera negara dikibarkan separuh tiang selama tiga hari bermula Ahad.

Muizzu berkata Maldives akan sentiasa mengenang usaha Emir dalam membina dan mengembangkan hubungan dua hala.

"Saya mengucapkan takziah kepada kerabat Emir dan rakyat Kuwait," katanya.

Perdana Menteri India Narendra Modi menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga

diraja dan rakyat Kuwait dan kerajaan mengisyiharkan negara berkabung sehari pada Ahad.

Kerajaan Afghanistan turut berkongsi kedukaan.

"Ingatan dan doa kami bersama rakyat Kuwait semasa tempoh berkabung ini. Semoga legasi, kepimpinan dan dedikasi baginda kepada negaranya menjadi sumber keselesaan dalam masa yang mencabar ini," kata Menteri Luar Sri Lanka Ali Sabry.

Syeikh Nawaf, 86, mangkat selepas tiga tahun memerintah.

Putera Mahkota Sheikh Meshal Al Ahmad Al Jaber Al Sabah, 83, diisyiharkan

sebagai Emir baharu Kuwait.- ©BERNAMA

Konflik RSF : Sudan isytihar darurat di Al-Qadarif

PELABUHAN SUDAN (Sudan), 17 Dis. - Sudan mengisyiharkan darurat di wilayah Al-Qadarif selepas pasukan separa tentera Rapid Support Forces (RSF) menguasai jalan-jalan antara negeri-negeri timur Al-Jazirah dan Al-Qadarif berhampiran ibu negara Khartoum.

Gabenor wilayah yang terlibat dalam konflik dengan RSF sejak April berkata darurat diisytiharkan di bawah undang-undang mengenai kecemasan dan keselamatan awam, lapor Agensi Anadolu.

Sebarang pergerakan di jalan raya, demonstrasi dan operasi perniagaan di wilayah itu dilarang dari 6 petang hingga 6 pagi waktu tempatan sehingga diberitahu kelak.

Berikutnya pertempuran sengit bermula pada 15 Dis antara tentera dan RSF di kawasan luar bandar Wad Madani, keadaan darurat diisytihar di negeri Al-Jazirah.

Buat kali pertama sejak konflik tercusus, RSF menyerang Wad Madani iaitu bandar strategik Al-Jazirah yang turut dikenali sebagai pembekal gandum Sudan.

Lebih 12,000 orang terbunuh manakala lebih 33,000 cedera setakat ini akibat konflik itu, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kira-kira 25 juta, iaitu separuh daripada penduduknya memerlukan bantuan kemanusiaan manakala tujuh juta rakyat hilang tempat tinggal atau mlarikan diri ke negara jiran.- ©BERNAMA

India larang eksport bawang, kerajaan akan dapatkan dari China dan Pakistan

KUALA LUMPUR, 16 Dis. - Kerajaan akan mendapatkan bekalan bawang dari China dan Pakistan susulan keputusan India melarang eksport sayuran itu hingga Mac tahun depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah itu tidak akan menyebabkan perubahan ketara kepada harga runcit bawang.

"Kita telah bersedia ke arah itu. Harganya (harga runcit bawang) nanti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan bincang, tetapi kesannya tidak banyak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pemuda Parti Amanah Negara di sini hari ini.

Pada 8 Disember lepas, India yang menyumbang sebanyak 36 peratus kepada import bawang ke Malaysia telah melarang eksport bawang sehingga Mac tahun depan bagi meningkatkan bekalan domestik selain membendung inflasi pengguna di negara itu.

Menurut Direktorat Perdagangan Luar Negeri India, ia susulan eksport bawang dipindahkan daripada kategori bebas kepada larangan hingga 31 Mac 2024.- ©BERNAMA

12 terbunuh, 7 cedera dalam nahas bas di Indonesia

JAKARTA, 16 Dis. - Sekurang-kurangnya 12 orang maut manakala tujuh lagi cedera apabila sebuah bas terbalik di sebuah lebuh raya di Pulau Jawa pada Jumaat, menurut Polis Jawa Barat.

Jurucakap Komisioner Kanan Ibrahim Tompo berkata tiga mayat lelaki dan sembilan mayat wanita dibawa ke hospital di Purwakarta manakala mereka yang cedera dibawa ke hospital berdekatan.

Insiden itu mengakibatkan keseluruhan lorong di susur keluar persimpangan Tol Cipali terhalang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Bagaimanapun, tiada kenderaan lain terlibat dalam kemalangan itu.

Ibrahim berkata pemandu bas itu yang hanya cedera ringan telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurut polis, bas yang membawa 20 penumpang dari arah Cirebon ke Jakarta itu dipercayai dipandu laju sebelum hilang kawalan dan terbalik.- ©BERNAMA

Konsul Kehormat UK diculik di Ecuador

pihak berkuasa.

Polis mengesyaki beliau diculik oleh kumpulan yang mempunyai kaitan dengan aktiviti pengedaran dadah, lapor Agensi Anadolu.

Kementerian Luar UK dan

Ecuador belum mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung kes itu.

Polis telah melancarkan operasi mengesan Armstrong. - ©BERNAMA

Gelombang sejuk landa Korea Selatan, suhu terus menurun

SEOUL, 16 Dis. - Korea Selatan bersiap sedia untuk menghadapi gelombang sejuk pada Sabtu dengan suhu lebih rendah dan salji tebal dijangka berlaku pada hujung minggu.

Suhu dijangka turun serendah -5 darjah Celsius (C) di seluruh negara pada Sabtu dengan suhu tertinggi di Seoul dan Incheon kekal pada -3 C, lapor Agensi Berita Yonhap memetik Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA).

KMA berkata hujan atau salji dijangka berlaku di kawasan Seoul yang lebih besar dan sebahagian dari wilayah Gangwon sehingga 6 petang dan larut malam di pedalaman barat wilayah

Gyeongsang Utara.

Lebih banyak salji dijangka berlaku di negara itu pada Ahad dengan salji sehingga tujuh sentimeter (cm) dijangka di barat daya Wilayah Gyeonggi dan antara satu hingga tiga cm di Seoul, Incheon dan utara wilayah Gyeonggi.

Pulau selatan Jeju dan sebahagian wilayah Jeolla selatan dan utara diramal menerima lebih banyak salji, dengan lebih 30 cm salji dijangka bertimbun di kawasan pergunungan Jeju.

KMA berkata suhu mungkin terus menurun pada Ahad yang bakal menyaksikan paras terendah suhu pagi mencecah

antara -3 dan -17 C di seluruh negara.

Paras terendah suhu pagi dijangka mencapai -12 C di Seoul, -16 C di bandar sempadan Paju dan -17 C di daerah Cheorwon di wilayah Gangwon.

Amaran gelombang sejuk akan berkuat kuasa di kawasan termasuk Seoul, Busan, Daejeon dan Daegu pada 9 malam Sabtu.

Amaran itu dikeluarkan apabila suhu pagi turun di bawah -12 C selama lebih daripada dua hari berturut-turut atau apabila suhu menurun lebih daripada 10 C hingga di bawah -3 C. - ©BERNAMA

Lubnan gesa 'pakej komprehensif' untuk laksanakan resolusi 1701 PBB

BEIRUT, 16 Dis. - Menteri Luar Lubnan Abdullah Bou Habib pada Jumaat menggesa "pakej komprehensif" untuk melaksanakan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk pengunduran Israel dari kawasan yang diduduki di Lubnan dan menghentikan pencerobohan darat, maritim dan udara.

Beliau menegaskan bahawa tiada keamanan menyeluruh tanpa Palestin, semasa pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Jerman Annalena Baerbock di Berlin, lapor Agensi Anadolu, memetik Kementerian Luar Lubnan.

"Inisiatif Keamanan Arab yang

diterima pakai pada Sidang Kemuncak Beirut 2002 berdasarkan prinsip penubuhan negara Palestin yang merdeka adalah kunci kepada keamanan dan kestabilan di rantau kita," katanya.

Habib menyatakan rasa terima kasih kepada pihak berkuasa Jerman atas sokongan mereka kepada Lubnan dan sumbangan kepada Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL).

Pada 11 Ogos, 2006, Majlis Keselamatan PBB sebulat suara menerima Resolusi 1701 yang menyeru untuk menghentikan sepenuhnya perrusuhan antara Lubnan dan Israel.

Dari 2006 hingga Oktober 2023, sempadan di selatan Lubnan telah menyaksikan kestabilan yang ketara walaupun berlaku pencerobohan sekali-sekala.

Tetapi sejak Hezbollah terlibat dalam konflik Gaza dengan menyerang kedudukan tentera Israel di kawasan bersempadan dengan Lubnan, Israel bertindak menyerang bandar-bandar di selatan negara itu, mencetuskan kebimbangan.

Sebagai solidariti dengan Gaza, Hezbollah dan kumpulan-kumpulan Palestin di Lubnan telah berbalas serangan pada setiap hari dengan tentera Israel sejak 8 Okt.- ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



JIS JUARA KEJOHANAN BOLA JARING BAWAH 15 TAHUN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Sebagai projek pembangunan sukan bola jaring, di samping mencari pemain-pemain yang berpotensi untuk dilatih secara berterusan dan bersistem, Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Bawah 15 Tahun, bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sebanyak 10 pasukan terdiri daripada pelajar-pelajar dari keempat-empat daerah menyertai kejohanan tersebut yang terbahagi kepada dua kumpulan.

Kumpulan 'A' terdiri daripada Best Buster, Vavetic Ladies, Zone Catcher, Temburong Netball Team (TNT) dan Guppies.

Manakala, Kumpulan 'B' pula terdiri daripada Tutong Team, Goal Diggers KB, The Ecstasy, Jerudong International School (JIS) dan The Falcons.

Pada peringkat akhir kejohanan itu, JIS

berjaya merangkul gelaran juara setelah menewaskan Goal Diggers KB dengan jaringan 13 - 9.

Sementara itu, Guppies menduduki tempat ketiga setelah mengalahkan TNT dengan jaringan 4 - 3.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang ialah Naib Presiden BNA, Dayang Masnurfaiza binti Haji Zaini.

Melalui kejohanan berkenaan, pemain-pemain muda khususnya pemain bawah 15 tahun diberikan kesempatan menguji atau mempergunakan kemahiran yang telah mereka pelajari.

Kejohanan itu juga diharapkan akan dapat meningkatkan kecerdasan pemain-pemain; meningkatkan keselarasan dan motor skills; serta semangat berpasukan.

Selain itu, ia juga diharap dapat memberikan kegembiraan kepada para pemain dan bersosial melalui sukan.

Pihak persatuan akan dapat mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi untuk dilatih secara berterusan.

KEJOHANAN Bola Jaring Bawah 15 Tahun anjuran Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) yang diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas disertai oleh sebanyak 10 pasukan terdiri daripada pelajar-pelajar dari keempat-empat daerah.



Tingkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan



Berita dan Foto : Dk. Vivy Maessa
Pg. Ibrahim

BELAIT, Ahad, 17 Disember. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Gleneagles

JPMC, Belait Cycling Club, Majlis Perundungan Kampung Pekan Kuala Belait dan AQRace Timing hari ini mengadakan acara Perlumbaan 1 Jam Kriterium Kuala Belait di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL).

ACARA Perlumbaan 1 Jam Kriterium Kuala Belait yang diadakan bermula di kawasan letak kereta, Jabatan Daerah Belait, dihasilkan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup yang sihat, umpamanya melibatkan diri dengan kegiatan sukan secara berterusan.

Acara hari ini diadakan dan bermula di kawasan letak kereta, Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait, pagi tadi.

Sebanyak empat kategori yang telah dijalankan iaitu Kategori Terbuka, 31-39 Tahun, 40-49 Tahun dan juga 50 Tahun Ke Atas.

Perlumbaan adalah secara Kriterium di mana pelumba yang membuat pusingan yang paling banyak dalam masa satu jam memenangi perlumbaan. Pemenang akan membawa pulang wang tunai dan juga piala bagi setiap kategori.

Perlumbaan 1 Jam Kriterium Kuala Belait ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang julung kalinya diadakan di Daerah Belait dan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup yang sihat, umpamanya melibatkan diri dengan kegiatan sukan secara berterusan.

Aktiviti seperti ini juga adalah usaha sepadu yang berterusan antara agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan bagi sama-sama mempromosi cara hidup yang sihat melalui kegiatan-kegiatan sukan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan belia dan seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Selain mempromosi cara hidup sihat melalui sukan berbasikal, aktiviti ini juga menjadi salah satu senaman alternatif selain daripada berjogging, senamrobik dan lain-lain.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak Pusat Promosi Kesihatan dan pihak yang berkepentingan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung, kanser dan sebagainya, dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat kepada semua peringkat umur.

Di samping itu juga, ia diharapkan agar dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai kepentingan menjaga kesihatan diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMALKAN SIKAP SALING MENGHORMATI TANPA MENGIRA BANGSA, PANGKAT ATAU PUNKETURUNAN